



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



# Laporan Tahunan

*Bertekad Terbilang  
Simply Inspiring*

2010

# سُبْحَانَ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

مَثَلُ النَّبِيِّ أَخْذَهُ مِنْ دُورِنَ اللَّهِ أَوْلَاءَ كَمْثَلُ الْعَنْكَبُوتِ  
أَخْذَهُ بَيْتًا وَإِنْ أَوْهَرَ الْبَيْوَتِ لَيْسَ بِالْعَنْكَبُوتِ لَوْ كَانُوا  
يَعْلَمُونَ

Terjemahan :

Misal bandingan orang-orang yang mnejadikan benda-benda lain dari Allah sebagai pelindung-pelindung (yang diharapkan pertolongannya) adalah seperti labah-labah yang membuat sarang (untuk menjadi tempat perlindungan);padahal sesungguhnya sarang-sarang yang paling reput ialah sarang labah-labah, kalaulah mereka orang-orang yang berpengetahuan.  
(Al-Ankabut 29:41)



“....dalam tahun 2010 ini, kita telah memulakan langkah dengan pendekatan yang baik. Saya percaya **permulaan yang baik pastinya akan berakhir dengan baik**. Saya juga yakin sekiranya kita terus mengambil sikap dan pendekatan positif sebegini, kita akan dapat melalui baki tahun 2010 ini dengan penuh kejayaan. Saya berharap kita semua tidak tenggelam punca, akan tetapi sebaliknya kita semua akan menggunakan kebijaksanaan yang ada, serta mengasah daya inovasi dan kreativiti untuk terus melangkah ke hadapan bagi menangani cabaran yang dihadapi ini....”

Naib Canselor, 1 Februari 2010






# Kandungan

Rasional Logo	04
Canselor	05
Profil Universiti	06
Struktur Organisasi	12
Laporan Naib Canselor	14
USIM KRA 1	19
USIM KRA 2	33
USIM KRA 3	41
USIM KRA 4	55
USIM KRA 5	77
USIM KRA 6	85
LAPORAN KEWANGAN	105
PENYATA KEWANGAN - AUDIT	111






## Rasional Logo



**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**  
**جامعة العلوم الإسلامية الماليزية**  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Secara keseluruhan logo ini menunjukkan Universiti Sains Islam Malaysia sebagai institusi pengajian tinggi Islam yang membawa bersama dasar-dasar Islam dalam menyampaikan ilmu kepada penuntut-penuntutnya.



### Kubah

Kubah yang terletak di tengah-tengah logo melambangkan sebuah institusi Islam yang berdaulat dalam penyampaian ilmu-ilmu Islam.




### Arabes

Kelima-lima motif Arabes yang terletak di bawah kubah, setiap satunya membawa maksud satu rukun Islam.



### Rehal

Tulisan USIM (Universiti Sains Islam Malaysia) diringkaskan dan dibentuk menjadi sebuah rehal yang membawa maksud landasan atau pelantar. Pelantar atau landasan itu melambangkan USIM sebagai wadah penyampaian ilmu kepada para pelajarnya.



### Litar

Litar yang bersebelahan tulisan USIM pula bermaksud Sains dan Teknologi yang membawa bersama dalam penyampaian ilmunya.



# Tuanku Canselor

YANG MAHA MULIA TUNKU AMPUAN NAJIHAH  
BINTI TUNKU BESAR BURHANUDDIN  
D.K., D.M.N., D.K. (KEDAH), D.K. (KELANTAN) S.P.T.J., S.P.M.K.





# Profil Universiti

## Visi

Memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan.

## Misi

Bertekad menjadi sebuah institusi terkehadapan berteraskan pengajian Islam bagi menyelesaikan isu-isu masyarakat dan Islam.

## Objektif

Memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara.

Membina kesepaduan antara teori dan amali dalam diri setiap sisiswazah yang dikeluarkan.

Melahirkan ilmuwan berpendidikan sepadu yang mampu memimpin masyarakat majmuk untuk menerajui pembangunan negara.

Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam terbilang sesuai dengan persekitaran dan teknologi terkini.

Membekalkan modal insan yang kukuh dengan penghayatan nilai Islam yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat.

## Dasar Kualiti

USIM bertekad dan beriltizam untuk menjadi sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam bertaraf antarabangsa yang berteraskan pengajian Islam dengan membudayakan Sistem Pengurusan Kualiti dan berusaha untuk meningkatkan amalan ini secara berterusan dalam:



- 1) Memberikan perkhidmatan yang bertepatan dengan kehendak pelanggan dan "stakeholder universiti".
- 2) Menyediakan pendidikan dan sistem pengurusan yang cekap dan berkualiti ke arah memartabatkan pendidikan Islam yang relevan kepada kehendak sejagat.
- 3) Menggunakan amalan terbaik untuk melahirkan ilmuwan Islam yang berpendidikan sepadu dan modal insan yang menghayati moto.

## Objektif Kualiti

- 1) Memberikan perkhidmatan berkualiti yang memuaskan dan lazimnya melebihi kehendak dan harapan pelanggan USIM.
- 2) Mewujudkan dan mengekalkan satu persekitaran kerja berpasukan antara kakitangan dan pelanggan secara profesional.
- 3) Berada di bawah sasaran peruntukan bajet yang ditetapkan dalam semua komponen dengan menggunakan secara optimum.




# Ahli Lembaga Pengarah Universiti





# Jawatankuasa Pengurusan Universiti





# Ahli Senat Universiti

## Pengerusi

Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda

## Ahli

Profesor Dr. Musa Ahmad (mulai 15/5/2010)

Profesor Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah

Profesor Dr. Bahrom Sanugi (sehingga 24/11/2010)

Profesor Dr. Hajah Mustafa Mohd Hanefah

Profesor Dato' Dr. Nik Mohd Nasri Nik Ismail

Profesor Dato' Dr. Wan Mohamad Nasir Wan Othman

Profesor Dr. Jalani Sukaimi

Profesor Dr. Hj. Abdul Samat Musa

Profesor Madya Dr. Bhasah Abu Bakar

Dr. Adnan Mohamed Yusoff

Profesor Datin Sri Dr. Hjh. Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim (sehingga 25/2/2010)

Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani

Dr. Asmaddy Haris

Profesor Dr. Bachok M. Taib

Profesor Dato' Dr. Mohammad Hj. Alias

Profesor Dr. Zulkiple Abd. Ghani

Profesor Dr. Nor Aripin Shamaan

## Setiausaha

En. Muhammad Haizuan Rozali



# Dekan-Dekan Fakulti / Pusat

**Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat**  
Profesor Dr. Hajah Mustafa  
Mohd Hanefah  
(Sehingga 9.12.2010)



**Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat**  
Dr. Asmaddy Haris  
(Mulai 10.12.2010)



**Dekan Pusat Pengajian Siswazah**  
Profesor Dr. Bachok M Taib

**Dekan Fakulti Pengajian Bahasa Utama**  
Profesor Madya Dr. Bhasah Abu Bakar

**Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan**  
Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani  
(Mulai 26.2.2010)



**Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan**  
Profesor Dato' Dr.  
Nik Mohd Nasri Nik Ismail

**Dekan Fakulti Sains dan Teknologi**  
Profesor Dr. Jalani Sukaimi

**Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang**  
Profesor Dr. Hj. Abdul Samat Musa

**Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan**  
Prof. Datin Sri Dr. Hjh. Mizan Adiliah  
Ahmad Ibrahim  
(Sehingga 25.2.2010)

**Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah**  
Dr. Adnan Mohamed Yusoff

**Dekan Fakulti Pergigian**  
Profesor Dato' Dr.  
Wan Mohamad Nasir Wan Othman



# Pengarah Institut / Pusat / Akademi

Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin  
*Institut Pengurusan & Penyelidikan Fatwa Sedunia*

Profesor Datin Sri Dr. Hjh. Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim  
*Akademi Permata Insan (mulai 7/7/2010)*

Profesor Dr. Abdul Jalil Abdul Kader  
*Pusat Hubungan Industri & Pengkomersialan (mulai 15/3/2010)*

Profesor Madya Chek Zaini Hassan  
*Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan*

Profesor Madya Dr. Alina Abd. Rahim  
*Institut Pengurusan & Penyelidikan Halal*

Profesor Madya Dr. Abd. Halim Mohd Hussin  
*Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (mulai 18/3/2010)*

Pn. Putri Saniah Megat Abd. Rahman  
*Pusat Perancangan Korporat & Pengurusan Kualiti (mulai 10/2/2010)*

Dr. Kamarudin Saadan  
*Pusat Teknologi Maklumat*

Dr. Muhammad Mustaqaim Mohd Zarif  
*Pusat Pengajian Teras & Antarabangsa*

Dr. Che Wan Zanariah Che Wan Ngah  
*Pusat Inovasi Pembelajaran & Pengajaran*

Dr. Zurina Shafii  
*Institut Pengurusan Harta & Kewangan Islam*

En. Mohd Nur Adzam Rasdi  
*Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah*

En. Mahdhir Abdullah  
*Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa (mulai 1/8/2010)*

En. Md. Bahar Abd. Hamid  
*Pusat Sukan (sehingga 20/10/2010)*

Puan Suhaili A. Jalil  
*Pusat Tamhidi*



# Struktur Organisasi

TIMBALAN NAIB CANSELOR  
AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

TIMBALAN NAIB CANSELOR  
HAL EHWAL PELAJAR  
DAN ALUMNI

DEKAN PENYELIDIKAN  
DAN INOVASI

PUSAT SOKONGAN  
& KHIDMAT AKADEMIK

- Bahagian Pengajian Pra Siswazah
- Pusat Pengajian Siswazah

FAKULTI & PUSAT PEMBELAJARAN

- |                                    |                                       |
|------------------------------------|---------------------------------------|
| - Fakulti Pengajian Quran & Sunnah | - Fakulti Sains & Teknologi           |
| - Fakulti Kepimpinan & Pengurusan  | - Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan |
| - Fakulti Syariah & Undang-undang  | - Fakulti Pergigian                   |
| - Fakulti Ekonomi & Muamalat       | - Fakulti Pengajian Bahasa Utama      |
| - Pusat Tamhidi                    |                                       |

PUSAT KECEMERLANGAN AKADEMIK

- |  |   |
|--|---|
| - Pusat Pengajian Teras & Antarabangsa | - Pusat Inovasi Pembelajaran & Pengajaran |
| - Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah |   |

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR

PUSAT SUKAN

PUSAT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN SISWA



PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN

PUSAT HUBUNGAN INDUSTRI & PENGKOMERSIALAN

UNIT PENERBITAN

PUSAT KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN

- Institut Pengurusan & Penyelidikan Fatwa Sedunia
- Institut Pengurusan & Penyelidikan Halal
- Institut Pengurusan Harta & Kewangan Islam
- Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia
- Akademi Permata Insan



“...Struktur adalah tunjang kepada strategi. Kuat tunjang maka kuatlah akar; kuat akar maka berdiri tegak dan teguhlah pohon...”

Naib Canselor, Ucapan Perhimpunan Bulanan 1 Februari 2010



## Laporan Naib Canselor

Tahun 2010 merupakan fasa pelaksanaan Enam Bidang Keberhasilan Utama (USIMKRA) sejajar menjayakan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA). Pelaksanaan USIMKRA telah dimantap dan digigihkan dengan pencapaian-pencapaian yang didominasi oleh kesan kesungguhan, komitmen yang tinggi dan kemahiran yang selari dengan keberhasilan. Pusat-pusat tanggungjawab telah dikelaskan mengikut kluster yang bertepatan dengan Bidang Keberhasilan Utama Universiti.



Fokus untuk menjayakan KRA USIM1 adalah dengan meningkatkan mutu serta kualiti pelajar masuk ke USIM dan pada masa yang sama program bersifat pengantarabangsaan telah diperkuuhkan dengan pelbagai aktiviti di sepanjang tahun 2010. Pengrekrutan pelajar sejak dari peringkat sekolah merupakan antara Petunjuk Prestasi Utama yang perlu digarap dalam melahirkan graduan yang holistik dan berdaya gaji tinggi. USIM bertekad turun ke akar umbi melalui Projek Sekolah Kluster, Promosi SMKA/SMA, Projek Selangkah ke USIM sehingga ke Projek Selangkah ke Universiti untuk memastikan peratusan kemasukan pelajar peringkat sekolah menengah ke USIM sebagai pilihan utama meningkat sehingga melebihi 50% untuk tahun 2010. Sehubungan itu, memartabatkan penjenamaan imej terus diperteguhkan dengan kempen-kempen publisiti melalui laman web, TV web advertorial, media cetak, media massa dan juga promosi ke luar negara. Ciri-ciri al-Abrar digarap menerusi penguasaan kemahiran lahiriah dan insaniah secara menyeluruh serta syumul. USIM terus mengupayakan kebolehpasaran graduan dengan memastikan 90% graduan mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan dari tarikh tamat pengajian. Keupayaan membuat Rancangan Perniagaan (RP) bagi pelajar tahun empat (4) pengajian antara lain dapat membentuk jati diri keusahawanan agar mampu berdiri atas keupayaan sendiri dalam bidang perniagaan yang semakin mencabar dan memerlukan keterlibatan ramai Muslim untuk menyahut cabaran sengit industri halal yang dianggarkan dapat menjana keuntungan berbilion ringgit.

Selaras dengan itu, Program Transformasi Diri (PTD) yang sedang digiatkan secara tidak langsung dapat membimbing hala tuju kerjaya dan pembangunan diri pelajar sebelum melangkah ke alam pekerjaan. Hasil garapan KRA pertama ini sebahagiannya telah dituai dengan membawa pulang pelbagai kecemerlangan, anugerah dan hadiah di peringkat domestik dan juga antarabangsa. Impak tersebut telah membawa kepada lebih daripada 400 syarikat-syarikat industri di Malaysia menjalinkan kerjasama dengan USIM sama ada melalui MoU, MoA, penganjuran aktiviti, lawatan industri, latihan sabatikal, penempatan pelajar dan staf sepanjang tahun 2010, yang secara langsung mampu meningkatkan reputasi serta kebolehpasaran graduan USIM di dalam industri.



USIM KRA2 menekankan pengukuhan penawaran program pengajian agar diiktiraf dan menjadi tersohor di peringkat negara dan antarabangsa dalam menjadikan Universiti ini sebagai hab pengajian tinggi yang tersohor lagi dihormati. Enam Program Agenda Kritisik (CAP) yang dicanai terus diperkuuhkan melalui e-pembelajaran, akademia industri, pengantarabangsaan, pengajaran dan pembelajaran, jaminan kualiti akademik dan *top business school*.

Sistem e-Learning (MyLMS) telah diperluaskan daripada peringkat pembentukan dasar sehingga kepada proses fasa kedua pelaksanaannya bermula pada tahun 2011. Dalam akademia industri, sehingga tahun 2010, USIM mempunyai sebanyak 51 orang ahli penasihat program pengajian yang terdiri daripada profesional industri dalam pelbagai bidang kesepakaran sebagai memenuhi keperluan sasaran dua panel di setiap program pengajian fakulti. Manakala pengukuhan pengantarabangsa pada tahun 2010 ditumpukan kepada dua aspek utama yang diambil kira; menyasarkan 100% pelajar cemerlang yang memperolehi PNGK 3.5 pada tahun 3 pengajian untuk mengikuti Program Pertukaran Pelajar dan pengambilan pelajar antarabangsa dalam program prasiswazah sebanyak 10%. Hasilnya, lawatan antarabangsa, misi antarabangsa, latihan industri luar negara, projek ijazah berkembar yang tergolong antaranya Projek Eropah, Timur Tengah, China dan Asia Pasifik, bukan sahaja berjaya menarik minat pelajar tempatan untuk menyertainya, malah pelajar luar negara juga untuk datang ke USIM. Selain daripada itu, bagi agenda meningkatkan mutu aktiviti pengajaran dan pembelajaran, fokus dihalakan kepada pelaksanaan Projek Asas P&P, Projek SCL-OBE dan Projek SCL Lanjutan serta beberapa projek lain yang memberi nilai tambah kepada sistem P&P USIM. Hasil garapan pengukuhan tersebut, 19 program akademik yang ditawarkan oleh USIM (sehingga Disember 2010) telah mendapat pengiktirafan kelayakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Dalam membangun dan memupuk serta melahirkan cendekiawan dan pendeta tersohor, USIM sangat menggalakkan staf akademiknya melibatkan diri dengan badan-badan profesional sehingga peringkat antarabangsa. Berdasarkan rekod, 61 orang tenaga akademik telah terlibat di peringkat antarabangsa. Disokong oleh aktiviti-aktiviti Pusat-pusat Kecemerlangan seperti Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI), Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM), Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA) dan Akademi Permata Insan (API), USIM terus bertekad dan menetapkan sasaran agar sekurang-kurangnya satu Pusat Kecemerlangan diiktiraf sebagai MOHE COE di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Tahun 2010 juga menyaksikan pemerkasaan modal insan Universiti Sains Islam Malaysia terus diglap dan budaya kerja yang gemilang tetap menjadi amalan terbaik. Sistem pentadbiran terus dimantapkan bersama penerapan elemen inovatif dalam proses laporan penilaian tahunan. Sistem maya bagi projek penilaian prestasi seperti e-Prestasi dan e-Sekata dilaksanakan sepenuhnya untuk tahun 2010 merangkumi cabang akademik dan juga pentadbiran. Sistem Pengurusan Latihan (MyTRAMS) turut dibangunkan untuk memberi nilai tambah yang cukup baik kepada warga USIM dalam memenuhi tuntutan dan keperluan tahunan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSMSA) melalui kursus, sangkutan, seminar dan bengkel. Selain itu, peningkatan yang menggalakkan dari segi pencapaian staf akademik mempunyai kelayakan Doktor Falsafah (PhD) menyaksikan antara sokongan dan dorongan terhadap MyBrain 15. Seramai 27 staf cuti belajar (29.83%) telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Sehingga Disember 2010, seramai 233 orang lagi staf termasuk felo siswazah masih mengikut pengajian di dalam dan luar negara.



Dalam pada itu, USIM terus memperkembangkan mekanisme pengambilan stafnya termasuklah menggunakan iklan/e-IRIS, *head hunting*, tapisan keselamatan dan ujian saringan kakitangan. Bagi kakitangan sedia ada, mereka diberi peluang untuk menzhirkan rasa kepuasan melalui kajian dan soal selidik secara *online*, dan berdasarkan demografi responden yang didapati, secara keseluruhannya lebih 80% staf memberi jawapan amat berpuas hati dalam segala aspek yang dibangkitkan sama ada dari segi skop kerja, peluang kemajuan dan peningkatan, hubungan dengan pelbagai pihak ataupun kebajikan. Dari segi kebajikan, USIM meluluskan 70 buah klinik panel, membelanjakan lebih daripada RM1.1juta bagi kemudahan perubatan staf dan RM313 ribu untuk pelajar, menubuhkan Pusat Hemodialisis serta 51 orang anak-anak staf ditempatkan di bawah TASKA USIM (TASKA Nur Umairah). Selain itu, kawalan keselamatan di dalam dan luar kampus terus diperketat dan dipergiatkan dalam membendung sebarang kejadian yang tidak diingini termasuklah isu penyelewengan akidah yang semakin berleluasa dewasa ini.

Dalam usaha mencapai tahap kebebasan kewangan, USIM berusaha meningkatkan sumber kewangannya kepada 30% daripada bajet tahunan melalui aktiviti penjanaan yang berterusan seperti yuran pelajar, geran penyelidikan, khidmat rundingan dan kepakaran, kursus/latihan/ francais, penerbitan buku, pengkomersilan hasil penyelidikan dan alumni, serta mendapatkan sumber-sumber lain daripada penajaan, zakat, *endowment* daripada syarikat kerajaan mahupun swasta. Hasil pendapatan daripada sumber-sumber ini secara keseluruhannya ialah RM16,263,006.17.

Pada tahun 2010 juga, Universiti telah melaksanakan langkah-langkah penjimatan bagi tujuan mengurangkan perbelanjaan dan pembaziran ke atas semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) terutamanya dalam penggunaan tenaga elektrik, kertas dan bil telefon. Kursus/bengkel/seminar yang diadakan di sekitar Lembah Klang dihadkan kebenaran penginapan manakala kursus dalaman dibuat di USIM sahaja. Selain strategi penjimatan, jalinan kerjasama melalui Memorandum Persefahaman dan Memorandum Perjanjian telah dipergiatkan dalam usaha mengkomersilkan dan memasarkan produk keluaran USIM.

Budaya kualiti, sistem pentadbiran yang cekap, berkesan dan berintegriti menjadi teras perkhidmatan warganya. Tahun 2010 menyaksikan Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Perpustakaan dan Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti telah berjaya mendapatkan pensijilan MS ISO 9001:2008. Budaya kualiti juga terus diperteguhkan dengan menganalisa pencapaian berpaksikan kepada sistem-sistem yang digunakan (e-Nilai), soal kaji selidik (aspek perkhidmatan sokongan kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran) dan pengiktirafan yang diterima dari pihak luar (SETARA'09-Tahap 4/ Sangat Baik).

Penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah Kehormat kepada dua tokoh besar, tokoh negarawan iaitu Y.A.Bhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad dan juga kepada Y.Bhg. Profesor Dr. Zaghloul Muhammad al-Najjar serta kepada Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Hj. Husin; menunjukkan kejayaan USIM mengangkat martabatnya sebagai institusi akademik di mata masyarakat. Dalam pada itu, seramai 892 orang graduan telah berjaya dilahirkan hasil daripada kecemerlangan 19 program pengajian yang diiktiraf *Malaysian Qualification Agency* dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.



Akhir kalam, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas penghayatan, pengiktirafan, usaha gigih, kerjasama dan sokongan padu semua pihak terutamanya kepada seluruh warga setia Universiti Sains Islam Malaysia, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti, Ahli-ahli Senat, Pegawai-pegawai Kanan, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pengajian Tinggi serta seluruh mahasiswa/i sepanjang tahun 2010. Syukran Jazilan.

Salam hormat

**PROFESOR DATO' DR. MUHAMAD MUDA**  
Naib Cancellor





# Gagasan Keberhasilan Utama USIM USIM KRA

## USIM KRA 6

Membentuk modal insan yang inovatif dan budaya kerja yang gemilang

## USIM KRA 5

Mencapai tahap kebebasan kewangan

## USIM KRA 4

Mengamalkan sistem pentadbiran yang cekap, berkesan dan berintegriti

## USIM KRA 1

Membentuk dan melahirkan graduan yang holistik serta berdaya gaji tinggi

## USIM KRA 2

Menawarkan program pengajian yang diiktiraf tempatan dan antarabangsa

## USIM KRA 3

Membangun, memupuk dan melahirkan cendekiawan dan pendeta tersohor

# **USIM KRA 1**

## **PEMBANGUNAN MAHASISWA : GRADUAN HOLISTIK DAN BERDAYA GAJI TINGGI**



# PEMBANGUNAN MAHASISWA: GRADUAN HOLISTIK DAN BERDAYA GAJI TINGGI

Bersesuaian dengan hasrat negara untuk melahirkan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, USIM menetapkan supaya graduan yang dihasilkan bersifat holistik dan memiliki ciri-ciri unggul yang membolehkan mereka bersaing dalam pasaran kerjaya, bukan hanya dalam negara malahan juga di peringkat antarabangsa.

Di bawah Bidang Keberhasilan Utama USIM yang pertama (USIM KRA1), iaitu untuk melahirkan graduan yang holistik dan berdaya gaji tinggi, tujuh program agenda kritikal atau *Critical Agenda Programme* (CAP) telah ditetapkan bagi memastikan graduan yang dihasilkan berupaya merealisasikan matlamat pembangunan mahasiswa yang berdaya saing tinggi.

Usaha untuk membangunkan pelajar secara holistik telah mendapat sokongan dan kerjasama semua pihak. Tujuh CAP ialah rekrutmen pelajar terbaik, pembinaan imej dan penjenamaan, memupuk budaya keusahawanan, meningkatkan kebolehpasaran graduan, pembangunan holistik pelajar, memantapkan kecemerlangan sukan, dan mengukuhkan hubungan industri-universiti.

## REKRUTMEN PELAJAR TERBAIK

Sebanyak 45.6% calon yang masuk ke program pengajian peringkat Sarjana Muda sesi akademik 2010/2011 menjadikan USIM sebagai pilihan pertama, manakala pada peringkat Tamhidi pula, 99.5% telah memilih USIM sebagai pilihan pertama mereka.

Sementara itu, 48.7% pelajar yang terpilih ke program peringkat Sarjana Muda mempunyai kelayakan PNGK 3.00 dan ke atas. Dari segi penguasaan bahasa Inggeris pula, 26.1% pelajar yang terpilih mempunyai MUET Band 3 dan ke atas.

Bagi menyokong usaha untuk mendapat calon yang baik dan cemerlang, beberapa aktiviti telah dilaksanakan. Aktiviti-aktiviti utama (Key Activities – KA) yang dilaksanakan adalah seperti berikut:





## Program Sekolah Kluster/Sekolah Angkat

Projek sekolah kluster/sekolah angkat melibatkan kunjungan ke USIM atau sebaliknya. Aktiviti yang dilaksanakan meliputi taklimat tentang peluang-peluang pengajian yang terdapat di USIM, pembudayaan Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris serta ceramah motivasi. Antara sekolah yang terlibat ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Sharifah Rodziah, Melaka, Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Kajang dan SMKA Sheikh Haji Mohd Said Seremban.

## Projek Karnival Pengajian Tinggi Negara “Jom Masuk U”

USIM telah menyertai Projek Karnival Pengajian Tinggi Negara “Jom Masuk U” yang dianjurkan secara bersama oleh semua IPTA dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. USIM juga telah menjadi tuan rumah bagi Zon Tengah, meliputi kawasan Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor yang telah diadakan selama tiga hari di Stadium Tertutup Nilai bermula pada 29 Jun 2010. Program ini berbentuk promosi oleh IPT yang disasarkan kepada pelajar-pelajar di seluruh Malaysia. Dianggarkan 20 ribu pengunjung telah mengunjungi Jom Masuk U.

## Projek Promosi SMKA/SMA

Sebanyak 28 aktiviti promosi telah dijalankan di SMKA dan Sekolah Menengah Agama (SMA) di seluruh Malaysia sepanjang tahun 2010. Aktiviti promosi bermula dari bulan Februari hingga November 2010. Tumpuan diberikan kepada SMKA/SMA yang mempunyai rekod akademik yang cemerlang. USIM juga sentiasa mengalu-alukan jemputan dari SMKA/SMA berkaitan untuk memberi taklimat peluang pengajian di USIM kepada pelajar-pelajar sekolah terbabit. Projek ini dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2010.





## Projek Selangkah ke USIM

Projek Selangkah ke USIM telah dilaksanakan dengan tumpuan kepada pelajar-pelajar SMA/SMKA yang baru sahaja tamat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pelajar yang terpilih menyertai program ini telah dibawa menginap di USIM dan mengikuti kuliah/tutorial/amali bersama pelajar-pelajar USIM untuk merasai sendiri suasana pembelajaran di universiti. Lawatan ke fasiliti terpilih di USIM juga diadakan supaya pelajar dapat mengenali USIM dengan lebih dekat dan seterusnya menarik minat mereka untuk melanjutkan pengajian di universiti ini. Program ini telah diadakan pada 20 hingga 22 Disember 2010 yang melibatkan sekolah Kluster/Sekolah Angkat USIM dan sekolah-sekolah menengah agama sekitar Negeri Sembilan, Selangor, Kuala Lumpur dan Melaka. Kejayaan program tersebut telah menjadikannya antara program tahunan USIM yang menarik serta berimpak tinggi.

## Projek “Selangkah Ke U”

Pelaksanaan projek “Selangkah Ke U” telah melibatkan 10 zon negeri. Bagi projek ini, USIM bersama dengan semua IPTA dan sebahagian IPTS turut terlibat dan pelaksanaan aktiviti pameran bermula dari 9 Januari hingga 28 Mac 2010.

Hasil daripada program-program yang dilaksanakan itu telah membawa kesan positif dalam mempromosikan USIM sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam pilihan utama pelajar dan berjaya menarik ramai pelajar terbaik memasuki USIM.

## IMEJ DAN PENJENAMAAN

USIM sentiasa berusaha untuk menonjolkan dirinya sebagai sebuah IPT terkemuka selaras dengan misi, visi serta matlamatnya. Antara usaha yang dijalankan untuk meningkatkan imej dan penjenamaan Universiti adalah seperti berikut:

## Projek Laman Web

Bagi memastikan maklumat dan informasi mengenai USIM dapat dicapai dengan mudah dan mesra, penekanan terhadap aspek memantapkan kandungan dan persembahan laman web rasmi universiti dijadikan sebagai fokus utama. Usaha-usaha turut dijalankan seperti membangunkan laman web bagi setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ), persediaan ke arah MGPWA1 (Penilaian Laman Web dan Portal Kerajaan), Webometric, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan sebagainya.

Hasil usaha tersebut telah mendapat pengiktirafan KPTM, apabila laman web USIM dinobatkan selama tiga tahun berturut-turut sebagai laman web terbaik mendapat pengiktirafan 5 Bintang buat pertama kali pada Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan yang dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) Tahun 2010.






## USIMOnLine

Sistem penyebaran maklumat USIM dipertingkatkan lagi dengan pembangunan Laman Web TV USIMOnLine melalui media video yang berdasarkan Internet yang boleh dicapai dimana-mana jua telah dilancarkan pada 15 Jun 2010 oleh YBhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Hj. Md. Noor, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti pada Majlis Anugerah Kecemerlangan & Inovasi 2009. Matlamat utamanya adalah untuk menyebarkan maklumat kepada warga USIM dan seluruh masyarakat melalui persembahan video. Terdapat beberapa segmen video yang diperkenalkan iaitu Video Aktiviti Universiti, Wawancara Eksklusif, Santapan Rohani, Biar Buku Bicara, Panduan Perkhidmatan, Bakat dan Kreativiti serta Buletin.

## Kempen Promosi dan Publisiti


Pemotongan bajet USIM sebanyak 34% tidak menghalang usaha universiti untuk terus menjalankan kempen promosi dan publisiti. Strategi dan perancangan yang rapi dirangka dan dilaksanakan bagi memastikan setiap aktiviti promosi dan publisiti dapat dilaksanakan seoptimum yang mungkin. Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti pengiklanan di OIC Directory 2010, advertorial di Majalah Prospect Malaysia, penerbitan dan percetakan Risalah USIM dan penghasilan Video Korporat USIM. Selain itu, USIM turut membuat publisiti melalui media cetak dan juga media elektronik dengan memberi penekanan kepada aktiviti dan kejayaan USIM.

**Rajah 1.1 Statistik Berita USIM di Akhbar Sepanjang 2010**





**Rajah 1.2 : Statistik Berita USIM di Akhbar Sepanjang 2010**



Sepanjang tahun 2010, USIM telah menerima sebanyak 34 lawatan meliputi lawatan sekolah, institusi luar dan lawatan delegasi antarabangsa (22 lawatan dalam negara; 12 daripadanya adalah lawatan delegasi antarabangsa). USIM turut membuat promosi di luar negara dengan menyertai Malaysian Services Exhibition (MSE 2010) di Za'abeel Hall, Dubai International Convention and Exhibition Centre (DICEC) Dubai, UAE pada April 2010, Pameran Pendidikan Malaysia 2010 di Hotel Grand Angkasa, Medan, Indonesia dan Malaysian Education Fairs 2010, di Tashkent, Uzbekistan pada Mei 2010.

## MEMUPUK BUDAYA KEUSAHAWANAN

Kemahiran keusahawanan merupakan salah satu elemen kemahiran insaniah yang sangat penting bagi pelajar. USIM sentiasa memastikan kemahiran tersebut diterapkan kepada setiap pelajar bagi membolehkan pelajar mempunyai nilai tambah sebagai persediaan untuk mereka memasuki alam pekerjaan kelak. Kemahiran ini diberikan kepada semua pelajar dengan mewajibkan mereka mengambil kursus keusahawanan yang merupakan Kursus Wajib Universiti bagi semua fakulti. Hasil daripada penerapan kemahiran ini, semua pelajar tahun akhir USIM berupaya menyediakan Rancangan Perniagaan. Keupayaan menyediakan Rancangan Perniagaan ini merupakan kemahiran awal kepada pelajar sebelum menceburi bidang keusahawanan dan seterusnya dapat melahirkan modal insan yang berpendapatan tinggi sebagaimana yang dihasrat oleh kerajaan.

Bagi mempraktikkan kemahiran yang ada, USIM memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk menjalankan aktiviti perniagaan di dalam kampus. Untuk tujuan tersebut, USIM telah menyediakan sembilan lot/unit *Student Mall* dan tujuh unit lot kedai di Pusat Keusahawanan Siswa. Selain itu, sebanyak 21 siri Kursus Asas Keusahawanan Siswa (KAKS) telah dilaksanakan bagi mengukuhkan keupayaan pelajar dalam bidang keusahawanan.

Impak kepada penekanan terhadap kepentingan aspek keusahawanan, pelajar USIM telah berjaya dipilih sebagai pemerhati dalam program SIFE World Cup 2010 pada 10 hingga 14 Oktober 2010 di Los Angeles, Amerika Syarikat.



## PENINGKATAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Sejumlah 43.6% graduan USIM telah berjaya memperoleh pekerjaan setelah dua bulan menamatkan pengajian. Kebolehpasaran graduan USIM berbeza berdasarkan program. Semua graduan sulung Sarjana Muda Perakaunan telah berjaya mendapat pekerjaan sebaik sahaja menamatkan pengajian. Ini membuktikan bahawa kualiti dan pendekatan pengajian di USIM telah berjaya menyakinkan para majikan tentang kemampuan para graduannya. Aktiviti utama (KA) yang dijalankan bagi memastikan kebolehpasaran graduan USIM adalah seperti berikut:

### Program Transformasi Diri (PTD)

Bagi melahirkan graduan yang holistik, USIM telah memperkenalkan Program Transformasi Diri (PTD) yang bertujuan untuk membimbing hala tuju kerjaya dan pembangunan diri pelajar USIM sebelum melangkah ke alam pekerjaan kelak.

Program ini mempunyai beberapa tahap modul iaitu tahap pertama Pengenalan merangkumi modul Bengkel Bijak Belajar, Bengkel Persediaan Kerjaya dan Bengkel Pengurusan Masa. Manakala, tahap kedua pula merangkumi Bengkel Komunikasi Berkesan, Bengkel Personaliti dan Keterampilan dan Bengkel Kemahiran Pengurusan Emosi. Bagi tahap ketiga pula, Model Lanjutan yang merangkumi Bengkel Penulisan Resume, Bengkel Motivasi Estem Diri dan Bengkel Temu Duga dan Latihan. PTD ini telah dilaksanakan mulai bulan Julai – Oktober dengan penyertaan seramai 1410 orang.

### Aktiviti Kecemerlangan Mahasiswa


USIM sentiasa menggalakkan pelajar untuk menyertai atau menjalankan program-program yang menonjolkan aspek kecemerlangan. Sebanyak 42 program di bawah Projek Kecemerlangan Mahasiswa telah dilaksanakan. Program-program yang dianjurkan atau yang disertai oleh pelajar telah mencapai kejayaan yang sangat dibanggakan. Kejayaan yang diperoleh adalah seperti berikut:





**Jadual 1.1 : Pencapaian Aktiviti Pelajar**

BIL	PROGRAM	PERINGKAT	PENCAPAIAN
1.	Pertandingan Nasyid Lagu Dakwah Maulidur Rasul Peringkat Negeri Melaka	Peringkat Negeri Melaka	Naib Johan Kumpulan Nasyid Intracksee
2.	Pertandingan Debat Kefahaman Islam Peringkat IPT Anjuran IKIM 2010	Kebangsaan	Naib Johan
3.	Pertandingan Debat Terbuka Astar Anjuran Kolej Kediaman Pertama Universiti Malaya	Kebangsaan	Peringkat Saringan
4.	The National Novice Debate Championship 2010	Kebangsaan	Peringkat Saringan
5.	Pertandingan Debat Perdana Integriti 2010	Kebangsaan	Suku Akhir
6.	Pertandingan Pidato Naib Canselor UPM 2010	Kebangsaan	Naib Johan
7.	Festival DEKON MAKUM 2010	Universiti Malaysia Sabah	Wakil Universiti Kumpulan Teater Atra
8.	Pertandingan Debat Dan Pidato Terbuka Arau Anjuran UITM Perlis	Kebangsaan	Naib Johan (Kategori Bahasa Melayu) Pusingan Saringan (Kategori Bahasa Inggeris)
9.	Pertandingan Debat Piala YDP Majlis Perbandaran Sepang 2010	Kebangsaan	Tempat Ketiga
10.	Festival Teater MAKUM 2010	Universiti Malaya	Wakil Universiti Kumpulan Teater Atra
11.	Festival Dondong Sayang MAKUM	MAKUM	Wakil Universiti Nyanyian Solo
12.	Pertandingan Pidato 1Malaysia Majlis Perbandaran Nilai	Kebangsaan	Johan
13.	Festival Gamelan IPTA MAKUM	UDM Dan Kerajaan Negeri Terengganu	Wakil Universiti Urus Setia Kesenian Pelajar
14.	Pertandingan Debat Alam Sekitar Antara IPT 2010	Kebangsaan	Naib Johan
15.	Pertandingan Pidato Anti Jenayah 2010	Kebangsaan	Naib Johan
16.	Pertandingan Debat Bahasa Arab Antara IPT ASEAN Kali Keempat 2010	Antarabangsa	Separuh Akhir
17.	Ministry Of Higher Education Invitational National Debate Competition 2010 (Mind '10)	Kebangsaan	Peringkat Saringan
18.	Pertandingan Pidato Kemerdekaan Antara IPT 2010	Kebangsaan	Naib Johan
19.	Jemputan Persembahan Minggu Seni Kumpulan Nasyid Intracksee Anjuran Budaya UNIMAS / KPT	UNIMAS/KPT	Wakil Universiti Kumpulan Caklempong
20.	Pertandingan Nasyid Terbuka UPNM	UPNM	Johan Kumpulan Nasyid Intracksee
21.	Pertandingan Tilawah Al Quran	UTM	TEMPAT KETIGA QARI Mohamad Sahril A. Rahim
22.	Pertandingan Nasyid/Marhaban Peringkat Negeri Sembilan	Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan	Naib Johan (Kategori Nasyid) Kumpulan Interacksee
23.	Bengkel Gamelan IPTA MAKUM	UMK Dan MAKUM	Wakil Universiti Urus Setia Kesenian Pelajar
24.	UM Avicennia Medical Intervarsity Debate	Kebangsaan	-
25.	Pertandingan Debat DiRaja Antara IPTA 2010	Kebangsaan	Johan (Kategori Bahasa Arab)



## Grooming dan Finishing School

USIM telah melaksanakan sembilan aktiviti di bawah Projek Grooming and Finishing School. Antara program yang dilaksanakan adalah Program Realisasi Bersama Alumni USIM. Menerusi program tersebut, alumni USIM yang telah berjaya dalam kerjaya sama ada dalam sektor awam maupun swasta berkongsi pengalaman bersama mahasiswa. USIM juga telah mengadakan Karnival Eksplorasi Kerjaya (CAREX) pada September 2010. Program tersebut bertujuan membuka ruang kepada pelajar untuk mengenali dengan lebih dekat agensi-agensi awam dan swasta yang berkaitan rapat dengan bidang kerjaya mereka. Pengalaman melakukan interaksi dengan agensi-agensi ini telah dapat menjadikan pelajar lebih bersedia dan lebih berkeyakinan ketika mencari peluang pekerjaan.

## Dakwah dan Kepimpinan

Aspek dakwah dan kepimpinan juga dititikberatkan dalam aktiviti yang dijalankan oleh pelajar. Sebanyak 28 program telah dilaksanakan di bawah Projek Dakwah dan Kepimpinan. Penekanan kepada aspek kepimpinan dan dakwah amat penting bagi melahirkan pelajar yang mempunyai jati diri mapan yang bakal menerajui kepemimpinan negara pada masa hadapan. Antara program yang telah dijalankan adalah Eksplorasi Perkampungan Orang Asli, Kursus Kepimpinan dan sebagainya.

## Program ELSP/ALSP

Penganjuran *Language Support Programme* (LSP) telah dimulakan pada Sesi Akademik 2007/2008, dan diwajibkan kepada semua pelajar Tahun 1 Program Sarjana Muda. *Arabic Language Support Programme* (ALSP) dan *English Language Support Programme* (ELSP) adalah program pengukuhan bahasa yang bertujuan memantapkan penguasaan Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris yang menjadi medium perantaraan utama bagi proses pengajaran dan pembelajaran di USIM. Program ELSP yang diikuti oleh pelajar juga dapat meningkatkan tahap pencapaian pelajar dalam MUET. Universiti juga telah mensasarkan supaya semua pelajar mencapai sekurang-kurangnya Tahap 3 dalam MUET yang juga menjadi prasyarat untuk mendapat status Layak Dianugerahkan Ijazah (LDI).

Bagi memberi peluang kepada pelajar memperbaiki pencapaian bahasa Inggeris, USIM bekerjasama dengan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) melaksanakan peperiksaan MUET. Bagi tahun 2010, Pusat Peperiksaan MUET USIM telah menyediakan sebanyak 1835 tempat bagi membolehkan pelajar USIM menduduki peperiksaan tersebut.





### Jadual 1.2 Peperiksaan MUET 2010

TEMPAT PEPERIKSAAN	NO. PUSAT MUET	BIL. CALON	JUMLAH CALON
STADIUM TERTUTUP NILAI	MN 163	200	970 CALON
	MN 164	200	
	MN 165	200	
	MN 172	75	
	MN 174	175	
	MN 175	120	
DEWAN FKP	MN 166	205	205 CALON
DEWAN FSU	MN 167	205	205 CALON
DKP 1	MN 168	95	95 CALON
DKP 2	MN 169	95	95 CALON
DKP 3	MN 170	95	95 CALON
DKP 4	MN 171	95	95 CALON
DKF 1.1 FSU	MN 173 A	40	40 CALON
DKF 1.2 FSU	MN 173 B	35	35 CALON

### Majlis Konvokesyen

Majlis Konvokesyen Khas USIM telah diadakan pada 24 September 2010 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Majlis ini telah disempurnakan oleh Tuanku Canselor iaitu Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Najihah Binti Tunku Besar Burhanuddin. Pada majlis tersebut, Tuanku Canselor telah berkenan menganugerahkan Ijazah Doktor Falsafah (Kehormat) Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat kepada YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia.

Manakala Majlis Konvokesyen Kelapan Universiti Sains Islam Malaysia telah diadakan pada 25 September 2010 bertempat di lokasi yang sama. Majlis ini telah diadakan sebanyak dua (2) sidang iaitu Sidang Pagi dan Sidang Petang. Sidang Pagi bagi Majlis Konvokesyen Kelapan Universiti Sains Islam Malaysia tersebut telah disempurnakan oleh Tuanku Canselor dan pada majlis tersebut, Baginda telah berkenan menganugerahkan gelaran Profesor Emeritus kepada Y. Bhg. Profesor Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin dan menganugerahkan ijazah-ijazah kepada graduan yang terlibat.


Sidang Petang bagi Majlis Konvokesyen Kelapan Universiti Sains Islam Malaysia tersebut telah disempurnakan oleh Naib Canselor USIM iaitu Y. Bhg. Profesor Dato' Dr. Muhammad Muda. Pada majlis tersebut, Naib Canselor USIM telah menganugerahkan Ijazah Doktor Falsafah (Kehormat) Pengajian Quran dan Sunnah kepada Y. Bhg. Profesor Dr. Zaghloul Raghib Muhammad al-Najjar dan menganugerahkan ijazah-ijazah kepada graduan yang terlibat.



Pada Majlis Konvokesyen Kelapan Universiti Sains Islam Malaysia tersebut seramai 892 orang graduan telah menerima Ijazah/Diploma masing-masing (2 PhD, 15 Ijazah Sarjana, 801 Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dan 74 Diploma Siswazah). Pecahan mengikut program dan kelas pengijazahan yang dianugerahkan adalah sebagaimana dalam jadual berikut:

### **Jadual 1.3 Program Pengajian/Kelas Ijazah USIM**

BIL	KOD	PROGRAM PENGAJIAN/ KELAS IJAZAH	Kelas Pertama	Kelas Kedua (Bahagian Atas)	Kelas Kedua (Bahagian Bawah)	Kelas Ketiga	JUMLAH
1	L401	Doktor Falsafah Syariah dan Kehakiman					2
2	A305	Sarjana Kaunseling(Penyalahgunaan Dadah)					12
3	A303	Sarjana Kaunseling (Kaunseling Keluarga)					2
4	P301	Sarjana Bahasa Arab Komunikasi					1
5	QT35D	Diploma Pendidikan (Pendidikan Islam)					51
6	A201	Diploma Siswazah dalam Penyalahgunaan Dadah					23
7	QL04	SM Syariah dan Undang-Undang dengan Kepujian		13	9		22
8	QI08	SM Fiqh dan Fatwa dengan Kepujian	1	31	65	2	99
9	QE02	SM Perakaunan dengan Kepujian		15	7		22
10	QP21	SM Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian	1	48	42		91
11	QS43	SM Sains dengan Kepujian (Matematik Kewangan)		10	1		11
12	QS10	SM Sains dengan Kepujian (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko)	1	10	1		12
13	QC13	SM Sains Komputer dengan Kepujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat)		8	5		13
14	QG07	SM Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan)	1	32	8		41
15	QI10	SM Pengajian Quran dengan Multimedia dengan Kepujian		35	21		56
16	QI11	SM Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat dengan Kepujian	1	27	20		48
17	QI05	SM Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian		96	46	1	143
18	QI07	SM Da'wah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian	2	60	42		104
19	QA19	SM Kaunseling dengan Kepujian	1	45	15		61
20	QA02	SM Komunikasi dengan Kepujian		29	7		36
21	QB05	SM Bahasa Arab dan Komunikasi dengan Kepujian	1	36	5		42
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>							<b>892</b>



1

## MAJLIS KONVOKESYEN KHAS & MAJLIS KONVOKESYEN KE-8 USIM




2



3

- 1 Penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah (Kehormat) Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat kepada YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia.
- 2 Penganugerahan gelaran Profesor Emeritus kepada Y. Bhg. Profesor Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin.
- 3 Penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah (Kehormat) Pengajian Quran dan Sunnah kepada Y. Bhg. Profesor Dr. Zaghloul Raghib Muhammad al-Najjar.



## PEMBANGUNAN HOLISTIK PELAJAR

KPT telah memperkenalkan Ujian Skala Kemahiran Insaniah Malaysia (My3S) kepada para pelajar yang bakal bergraduasi. Ujian tersebut telah dilaksanakan pada Mac - April 2010 dan melibatkan 44 Institut Pengajian Tinggi (IPT) dengan seramai 13,345 pelajar.

Hasil dapatan kajian Ujian Skala Kemahiran Insaniah Malaysia (My3S) oleh Pasukan Penyelidik My3S KPT pada September 2010, mendapat pencapaian mahasiswa USIM amat membanggakan dan berjaya melepassi purata kebangsaan iaitu dengan skala 7.4 berbanding kebangsaan 7.3. USIM turut berada dalam kedudukan yang baik dan mendapat skor yang tinggi di kalangan IPT serta mendapat skor yang tinggi bagi elemen kemahiran kepimpinan dan moral serta etika profesional.

USIM juga telah memperkenalkan Ujian Penilaian Tahap Kemahiran Insaniah (PTKI) yang dibangunkan secara dalaman oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Pusat Teknologi Maklumat, USIM. Instrumen tersebut dibangunkan bagi mengukur tahap kemahiran insaniah di kalangan pelajar tahun 1 hingga tahun 3, iaitu sebelum pelajar menduduki ujian My3S.

Untuk melahirkan graduan yang holistik juga, pelaksanaan Outcome Based Education (OBE) dalam aspek pengajaran dan pembelajaran amat dititikberatkan. Pendedahan secara komprehensif dalam pelaksanaan OBE telah dibuat melalui beberapa siri bengkel dan taklimat iaitu Taklimat dan Bengkel Pengurusan Pembangunan Akademik, Taklimat Sistem Jaminan Kualiti dan Bengkel Agensi Kelayakan Malaysia (MQA, Bengkel Outcome Based Education (OBE) dan Student Centered Learning (SCL) USIM, Bengkel Modul Outcome Based Education (OBE) dan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Jajaran Konstruktif (CA) dan Bengkel Modul Outcome Based Education (OBE) Modul 5.

Sehingga kini, sebanyak 15 program peringkat Sarjana Muda dan empat program peringkat Tamhidi telah mempunyai dokumen semakan kurikulum yang menerapkan falsafah OBE untuk kelulusan KPT.





## MEMANTAPKAN KECEMERLANGAN SUKAN

Dalam usaha untuk melahirkan atlet berkelas dunia, aspek kecemerlangan sukan di kalangan mahasiswa juga diberikan penekanan khusus. Hal ini selaras dengan hasrat KPT untuk melahirkan atlet berwibawa kalangan mahasiswa atau program *The Thinking Athletes*. Sehubungan itu, USIM telah memfokuskan empat acara sukan iaitu tekwando, boling padang, memanah dan seni silat. Kejayaan atlet USIM sepanjang tahun 2010:

**Jadual 1.4 Kejayaan Atlet USIM Sepanjang 2010**

BIL	PASUKAN	PERTANDINGAN	PENCAPAIAN
1.	Pasukan Seni Silat	MASUM	-□ Tujuh Pingat Emas
2.	Pasukan Taekwando	MASUM	-□ Satu Pingat Perak -□ Satu Pingat Gangsa
3.	Pasukan Boling Padang	MASUM	-□ Dua Pingat Perak -□ Satu Pingat Gangsa

Hasil kejayaan tersebut membolehkan dua orang pelajar USIM dipilih menyertai program latihan persediaan atlet boling padang bagi mewakili Negeri Sembilan Darul Khusus di Sukan Malaysia (SUKMA) 2012 yang akan berlangsung di Negeri Pahang.

Pusat Sukan USIM juga menumpukan kepada kecemerlangan sukan di kalangan staf USIM dan telah menganjurkan SUFA 2010 pada 6 hingga 20 Mac 2010 bertempat di kampus USIM Nilai serta di beberapa tempat yang mempunyai kemudahan sukan luar antaranya di Jusco Seremban 2 bagi acara Boling dan Pusat Boling Padang Seremban 2 bagi acara Boling Padang.

Sejumlah 20 pingat emas menjadi rebutan menerusi 12 disiplin sukan oleh lapan kontinjen iaitu Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU), Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) dan Pusat Tamhidi (PT). Pasukan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan serta Fakulti Pergigian pula bergabung dan bertanding di bawah nama Fakulti "Medical & Dentistry" (FMeD).

Dalam majlis sama, kontinjen FMeD telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan menewaskan pasukan lain dengan memperoleh 59 mata. Fakulti Syariah dan Undang-undang mengutip 47 mata bagi tempat kedua sementara Fakulti Ekonomi dan Muamalat berada di tempat ketiga dengan 38 mata.

## MENGUKUHKAN HUBUNGAN INDUSTRI-UNIVERSITI

USIM telah mempunyai jalinan kerjasama dengan lebih daripada 400 syarikat di Malaysia. Program jalinan kerjasama itu tercapai menerusi pelbagai cara seperti MoU, MoA, penganjuran program, lawatan industri, latihan sabatikal staf dan penempatan latihan industri pelajar. Angka ini semakin bertambah dengan kejayaan USIM memeterai perjanjian MoU dengan pihak Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur yang mempunyai sejumlah rangkaian syarikat yang berdaftar di bawah keahliannya. Hubungan strategik USIM dengan pihak industri sedikit sebanyak telah menaikkan reputasi USIM serta meningkatkan kebolehpasaran graduan USIM apabila mereka menamatkan pengajian.

# **USIM KRA 2**

**PROGRAM PENGAJIAN YANG  
DIIKTIRAF DAN TERSOHOR  
PERINGKAT NEGARA DAN  
ANTARABANGSA**



## PROGRAM PENGAJIAN YANG DIIKTIRAF DAN TERSOHOR PERINGKAT NEGARA DAN ANTARABANGSA

Penawaran Program Pengajian di USIM memfokuskan bidang pengajian yang diiktiraf dan tersohor di peringkat negara dan juga antarabangsa. Bidang keberhasilan ini amat penting untuk dicapai bagi menjadikan USIM sebagai salah satu pusat pengajian tinggi yang dikenali dan dihormati melalui penawaran kursus pengajian yang berkualiti untuk menarik lebih ramai pelajar dan tenaga pengajar luar menjadi warga USIM.

Bagi memastikan objektif ini tercapai, terdapat beberapa CAP yang telah digariskan untuk dilaksanakan oleh semua Pusat Tanggungjawab bagi mencapai KPI yang ditetapkan.

Terdapat sebanyak enam CAP yang digariskan bagi mencapai objektif ini iaitu Jaminan Kualiti Akademik (*Academic Quality Assurance*), Pengajaran dan Pembelajaran (*Learning and Teaching*), Pengantarabangsaan (*Internationalization*), Akademia Industri (*Industry Academia*), e-Pembelajaran (e-Learning), dan *Top Business School*.

### JAMINAN KUALITI AKADEMIK

Aspek jaminan kualiti akademik amat ditekankan oleh USIM. Bagi mencapai hasrat ini, USIM telah meletakkan sasaran untuk mencapai tahap 4 Bintang dan ke atas dalam penilaian SETARA. Aktiviti-aktiviti utama dilakukan secara terancang yang meliputi empat projek utama iaitu Projek Audit Kualiti Dalaman, Projek Audit COPPA/COPIA, Projek Audit Fizikal dan Projek Audit Akademik. Beberapa aktiviti yang telah dilakukan seperti mengadakan Audit Kualiti Dalaman; Audit APA oleh Malaysia Qualification Agency (MQA) pada Mac 2010, perlaksanaan semakan kurikulum bagi 15 Program Sarjana Muda dan empat Program Tamhidi; Pemurnian Kurikulum Peringkat Fakulti; perlaksanaan audit oleh pihak Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti (JPPF) sebanyak dua kali setahun pada setiap cuti semester serta Audit Akademik oleh Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PPKPK). Proses audit yang dilakukan dapat memastikan bahawa kemudahan infrastruktur untuk aktiviti Pembelajaran dan Pengajaran sentiasa berada dalam keadaan terbaik.

Selain itu, Jaminan Kualiti Akademik, Unit Kelayakan dan Pengiktirafan (UKP) PIPP telah membantu pihak fakulti untuk mendapatkan pengiktirafan kelayakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi program-program akademik yang sedang dijalankan. Sebanyak 19 program akademik yang ditawarkan oleh USIM (sehingga Disember 2010) telah mendapat pengiktirafan kelayakan oleh pihak JPA. Dua program iaitu Program Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri (MBBS) dan Program Sarjana Muda Pembedahan Pergigian (BDS) sedang dalam proses mendapatkan Akreditasi oleh pihak MQA.





## PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

USIM meletakkan sasaran 80% pensyarah mendapat penilaian pembelajaran dan pengajaran melebihi 80 markah melalui Sistem e-Nilai oleh mahasiswa. Aktiviti difokuskan kepada beberapa projek seperti Projek Asas P&P, Projek SCL-OBE dan Projek SCL Lanjutan. Tumpuan kepada projek-projek ini telah direalisasikan dengan melakukan beberapa program seperti Taklimat OBE-SCL; Bengkel OBE Modul 1: *Designing Course Syllabi based on OBE*; Bengkel OBE Modul 2: *Linkage Between Course Outcomes and Programme Outcomes*; Bengkel OBE Modul 3: *Some aspects of Delivery Method (Cooperative Learning and Problem Based Learning)* dan Bengkel OBE Modul 4: *Assesment and Evaluation in OBE*; Bengkel OBE Modul 5: *Continuous Quality Improvement (CQI) and QMS-Closing the Loop* serta Bengkel *Curriculum Design and Delivery*.

PIPP juga telah melaksanakan latihan/aktiviti bagi pengukuhan pembelajaran dan pengajaran seperti Program Taklimat Pengurusan Pembangunan Akademik; Pengukuran Skala Kemahiran Insaniah (My3S); Program Taklimat Agensi Kelayakan Malaysia (MQA); Kursus Metodologi Penyelidikan Staf Akademik Bercuti Belajar; Membina Kandungan E-Pembelajaran Dengan *Lecture Maker*; Program Bicara Inovasi: Belajar Bahasa Arab Melalui Kaedah Noor; Kursus *Coaching For Educational Professionals* serta Bengkel Penulisan dan Penerbitan.

Impak yang diperoleh menunjukkan data e-Nilai untuk akhir Semester 1, Sesi 2010/2011 mencatatkan sebanyak 95% staf akademik USIM mendapat markah melebihi 80% markah e-Nilai.

## PENGANTARABANGSAAN

Aktiviti pengantarabangsaan ditumpukan kepada dua KPI iaitu Program Mobiliti Mahasiswa yang menyasarkan 100% mahasiswa cemerlang yang memperolehi PNGK 3.5 pada tahun tiga pengajian, untuk mengikuti program pertukaran mahasiswa. Manakala KPI kedua ialah pengambilan mahasiswa antarabangsa dalam program prasiswazah sebanyak 10% dari jumlah mahasiswa USIM.

### Aktiviti dan Pencapaian Pelajar Prasiswazah

Bagi pelajar prasiswazah, aktiviti utama ditumpukan kepada *Projek Outbound/ Inbound/ International Visit* iaitu program lawatan antarabangsa yang dijalankan selama tujuh hari dan ke atas. Melalui program ini para pelajar didedahkan dengan dunia luar, bertukar pendapat dan pandangan serta secara tidak langsung menjadi duta memperkenalkan USIM kepada antarabangsa. Beberapa fakulti telah mengadakan beberapa siri lawatan dan program pengantarabangsaan dengan pihak luar negara seperti berikut:





### Jadual 2.1: Program Pengantarabangsaan Pelajar Prasiswa

FAKULTI	AKTIVITI	PENCAPAIAN
Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU)	Program Pertukaran Pelajar dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei	FSU telah menerima seorang pelajar pertukaran dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei ke Program Fiqh dan Fatwa selama setahun iaitu pada Semester I dan II Sesi Akademik 2009/2010.
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK)	Lawatan Sambil Belajar ke Jordan University Of Science & Technology, Jordan	Melibatkan 45 orang pelajar dan 2 pegawai pengiring dari FPSK. Lawatan telah diadakan selama 15 hari dan 14 malam bertempat di Irbid, Jordan.
	Misi Antarabangsa Mahasiswa ke Indonesia	Program Inbound melibatkan lapan orang pelatih dari Sultan Qaboos University, Oman untuk menjalani <i>clinical attachment</i> di FPSK dan Hospital Ampang selama dua bulan.
Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM)	Misi Antarabangsa mahasiswa ke Indonesia	21 orang pelajar dan disertai dua orang pengiring. Beberapa siri lawatan ke IPT di Indonesia terutamanya di sekitar Jakarta telah diadakan iaitu lawatan ke Universitas Indonesia dan Universitas Negeri Jakarta.
	Misi Antarabangsa mahasiswa FEM ke United Kingdom 25 Jun - 10 Julai 2010	Melibatkan 25 orang pelajar dan tiga orang pengiring yang turut menghadiri latihan Software Ideal Rating di Durham University. Selain itu, lawatan turut diadakan ke Al-Afkar Consultancy in Islamic Finance, Bank Islam Britain Cawangan Leicester dan Lawatan ke Markfield Institute of Higher Education (MIHE).
Fakulti Sains dan Teknologi (FST)	Program Lawatan Sambil Belajar ke Korea Selatan 18-23 Jun 2010	Program lawatan ke Dongguk University, Sungkyunkwan University dan Korea University melibatkan 11 orang pelajar dan dua orang pegawai pengiring selama 6 hari 5 malam.
Fakulti Pergigian (FPg)	Asia Pacific Dental Students Conference 16-22 Ogos 2010	Program yang dijalankan di Hakone dan Funabasyi, Jepun ini diadakan selama lapan hari tujuh malam. Seramai tujuh orang pelajar FPg terlibat dalam menyertai seminar ini.
	Program Lawatan Pelajar Tahun Empat ke Universitas Padjajaran, Bandung, Indonesia 21-23 Nov 2010	Seramai 28 orang pelajar dengan diiringi oleh tiga orang pegawai pengiring telah mengadakan lawatan ke Indonesia terutamanya tempat dan institusi yang berkaitan dengan bidang perggigian. Beberapa institusi yang dilawati ialah Hospital Hassan Sadiqin, Bandung dan Lawatan ke Fakultas Kedokteran Gigi, Universitas Padjajaran Bandung, Indonesia.

### Projek Latihan Industri Luar Negara

Seramai lapan orang mahasiswa dari FST, FEM, FSU dan FKP telah menjalani program latihan industri di pelbagai syarikat korporat dan institusi pendidikan di Australia. Program ini telah dijalankan selama 16 minggu dan mendapat maklum balas yang baik dari peserta dan juga majikan serta pendedahan kepada mereka dari segi bahasa, pengetahuan, sosio budaya masyarakat setempat dan kemahiran insaniah pelajar. Selain itu, program ini dilihat sebagai satu langkah promosi yang baik dalam usaha memperkenalkan USIM dan produknya di samping dapat mengorak langkah dalam mengadakan usaha sama pada masa akan datang.



## **Pelajar Antarabangsa dalam Program Prasiswaah Melebihi 10%**

Bagi menyasarkan peningkatan bilangan pelajar antarabangsa untuk program prasiswaah, USIM telah memfokuskan aktiviti kepada empat projek utama iaitu Projek Eropah, Projek Timur Tengah, Projek China dan Projek Asia Pasifik. Bagi Sesi Kemasukan 2010/2011, USIM telah menerima dua orang pelajar dari Timur Tengah, empat orang pelajar dari China, tujuh orang pelajar dari negara ASEAN dan beberapa pelajar dari Benua Afrika.

### **Memperkuuhkan Jaringan Antarabangsa**

USIM bukan sahaja ingin menjadi institusi pendidikan yang terulung di Malaysia, malah menyusun langkah untuk menjadi institusi pendidikan yang tersohor di peringkat global. Hasrat ini dapat dicapai melalui kerjasama secara aktif dengan pelbagai institusi pendidikan di luar negara untuk menjalinkan persefahaman mahupun berkongsi kepakaran dalam pelbagai bidang. USIM memperkuuhkan lagi jaringan antarabangsanya dengan pelbagai pihak.

**Jadual 2.2: Aktiviti-aktiviti Jaringan Antarabangsa**

PROGRAM	TARIKH
Lawatan Duta Besar Jordan ke USIM	3 Feb 2010
Program Jom Masuk U	6 Feb 2010
Lawatan Pendaftar USIM ke The Islamia University of Bahawalpur, Pakistan	14 April 2010
Perjanjian Persefahaman (MoU) antara USIM dengan Envogreen	24 Mei 2010
Perjanjian Persefahaman (MoU) antara USIM dengan International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)	27 Mei 2010
Lawatan Delegasi Brunei Darussalam ke USIM	13 Jun 2010
Lawatan Rasmi Delegasi Antarabangsa World Halal Forum and World Halal Research	23 Jun 2010
Perjanjian Persefahaman (MoU) antara USIM dengan Taibah University, Madinah	23 Jul 2010
Lawatan Supreme Council for Sunni Islamic Institutes in South of Iran	13 Okt 2010
Lawatan Kerja Rasmi Delegasi Secretary of The General People's Committee For Higher Education & Scientific Research Great Socialist People Libyan Arab Jamahiriya	22 Okt 2010
Lawatan dari Perguruan Dinniah Putri, Bukit Tinggi Indonesia ke USIM	8 Nov 2010
Lawatan USIM ke Pejabat Kedutaan Besar China, Kuala Lumpur	9 Nov 2010
Lawatan dari Universiti Mesir ke Kampus Pandan Indah USIM	12 Nov 2010
Lawatan Kerja ke Pejabat Kedutaan Besar Yemen, Kuala Lumpur	16 Dis 2010
Lawatan Pelajar Madrasah Wak Tanjong Al Islamiah, Singapura ke USIM	15 Dis 2010



## Aktiviti dan Pencapaian Pelajar Siswazah

### **Joint Degree**

Bagi tahun 2010, tiada projek *joint degree* yang dibuat di Eropah, Timur Tengah, China dan juga Asia Pasifik. Walau bagaimanapun, pihak fakulti sedang merancang untuk mempergiatkan projek *joint degree* dengan negara-negara ini pada tahun 2011.

### **Pelajar Antarabangsa dalam Program Siswazah Melebihi 10%**

Strategi yang sama telah digunakan untuk meningkatkan bilangan pelajar siswazah di USIM dengan memfokuskan aktiviti kepada empat projek utama iaitu Projek Eropah, Projek Timur Tengah, Projek China dan Projek Asia Pasifik Daripada 387 orang pelajar siswazah yang mendaftar di USIM, 47% adalah pelajar antarabangsa.

## **PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN**

CAP meletakkan sasaran 100% program pengajian di USIM dengan dianggotai oleh dua orang atau lebih ahli industri sebagai panel penasihat program pengajian yang ditawarkan supaya penawaran dan isi kandungan kursus selari dengan kehendak industri.

Aktiviti ditumpukan kepada beberapa projek iaitu projek bersama Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Wilayah, Projek Major Employer, Projek Industri Kecil Sederhana (IKS) dan Projek EU-MCCI. USIM mempunyai 51 orang ahli penasihat program pengajian yang terdiri daripada panel penasihat industri dan mereka merupakan penasihat kepada sembilan program pengajian di USIM seperti berikut:

- Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan) Dengan Kepujian
- Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan dan Jaminan Kualiti) Dengan Kepujian
- Sarjana Muda Sains (Bioteknologi Makanan) Dengan Kepujian
- Sarjana Muda Sains (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko) Dengan Kepujian
- Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam Dengan Kepujian
- Sarjana Muda Kaunseling Dengan Kepujian
- Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri
- Sarjana Muda Pembedahan Pergigian
- Sarjana Muda Quran dan Sunah Dengan Kepujian

Aktiviti ini telah membuka ruang kepada perkongsian pandangan, kepakaran, dan penambahbaikan program pengajian yang terdapat di USIM. Impak ini penting bagi menjadikan program pengajian di USIM sentiasa relevan dengan perkembangan semasa.

## **e-PEMBELAJARAN**

CAP e-Pembelajaran menyasarkan 100% perlaksanaan kursus yang ditawarkan di USIM menggunakan Sistem e-Learning (myLMS). Perlaksanaannya dibahagikan kepada dua fasa iaitu Projek myLMS Fasa I dan Fasa II.



Beberapa aktiviti dan pencapaian yang telah dicapai di bawah Projek myLMS Fasa I. Kejayaan awal Fasa 1 ini ialah menyelaras pembentukan dan perlaksanaan Dasar e-Pembelajaran serta mereka bentuk dan membina laman web rasmi Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran (PIPP) yang menjadi rangkaian pembelajaran yang berperanan sebagai sumber pembelajaran dan pengajaran secara *online*. Selain itu, PIPP juga telah menyumbangkan satu bab penulisan mengenai perlaksanaan e-Pembelajaran di setiap IPTA dalam buku bertajuk e-Pembelajaran di IPTA. Taklimat sistem myLMS kepada mahasiswa telah diadakan pada Minggu Ta’aruf Program Tamhidi Sesi 2010/2011. Manakala dua bengkel latihan telah diadakan untuk staf akademik pada bulan Julai dan Ogos.

Projek myLMS Fasa II akan dilaksanakan mulai tahun 2011 yang meliputi aktiviti latihan kepada Staf Akademik USIM untuk mencapai sasaran 60%.

Penumpuan untuk menjayakan e-Pembelajaran ini mendatangkan impak yang amat baik terutamanya dalam aspek peningkatan penggunaan aplikasi myLMS oleh staf akademik dan para pelajar USIM sebanyak 36% berbanding 10% pada tahun 2009. Selain itu, sebuah buku e-Pembelajaran IPTA ini akan dilancarkan oleh Majlis E-Learning IPTA (MEIPTA) pada Tahun 2011.

## TOP BUSINESS SCHOOL

Beberapa aktiviti yang telah dijalankan untuk agenda Top Business School iaitu Projek Graduate School, Projek International Collaborations–Joint Degrees, Projek International Faculties dan Projek Kolaborasi Industri.

Antara pencapaian yang telah diperoleh adalah Pusat Pengajian Siswazah Muamalat atau lebih dikenali sebagai Graduate School of Muamalat (GS Muamalat) telah diluluskan penubuhannya oleh LPU Bil. 5/2010; perjanjian persefahaman (MOU) antara USIM dan Bangor University telah ditandatangani pada November 2010 di Bangor, Wales, England; program *double degree* dengan University La Trobe, Australia; dan perlaksanaan program Sarjana Pentadbiran Muamalat (MMA) eksekutif di Madrasah Al Junied, Singapura.

Bagi mengantara bangsakan fakulti, dua orang profesor pelawat dan seorang Profesor Adjung telah dilantik. Menyedari hakikat kepentingan jalinan kerjasama dengan pihak industri, maka fakulti telah mengadakan kerjasama dengan Bank Muamalat Malaysia Berhad. Kerjasama ini dimeterai dengan MoU pada Disember 2010. Dari MoU ini, beberapa aktiviti telah dan akan dilakukan. Antaranya projek mini ensiklopedia muamalat, geran penyelidikan dan perundingan. Aktiviti dan program yang diadakan telah memberi impak terhadap aspirasi untuk menjadikan Pusat Pengajian Siswazah Muamalat di USIM sebagai *Top Business School* di Malaysia. Impak utama CAP ialah menaikkan imej universiti ke satu tahap yang lebih tinggi melalui kerjasama antarabangsa dan pihak industri. Selain itu, aktiviti penyelidikan dan perundingan dengan pihak industri dapat membantu USIM untuk mencapai objektif universiti ini dalam memberi sumbangan kepada masyarakat dengan lebih cepat dan tersusun. Ini kerana, penyelidikan yang dijalankan akan terus diguna oleh penaja dari pihak industri yang menjalinkan kerjasama. Tidak dinafikan, pencapaian ini juga dapat membantu universiti ke arah mencapai tahap kebebasan kewangan melalui program-program akademik yang dirancang.



# **USIM KRA 3**

## **MEMBANGUN DAN MEMUPUK SERTA MELAHIRKAN CENDEKIAWAN DAN PENDETA YANG TERSOHOR**



# MEMBANGUN DAN MEMUPUK SERTA MELAHIRKAN CENDEKIAWAN DAN PENDETA YANG TERSOHOR

USIM bertekad membangun dan memupuk serta melahirkan cendekiawan dan pendeta yang tersohor melalui aktiviti penerbitan, penyelidikan, persidangan, khidmat kepakaran, penempatan staf akademik dan pembangunan pusat kecemerlangan.

Terdapat empat CAP yang digariskan bagi mencapai objektif iaitu; Academia (Khidmat Kepakaran USIM), Industri-Academia (Penempatan Staf Akademik), Pembangunan Pusat-pusat Kecemerlangan serta Penyelidikan, Persidangan dan Penerbitan.

## AKADEMIA (KHIDMAT KEPAKARAN USIM)

USIM menyasarkan agar staf akademiknya diiktiraf secara profesional di pelbagai peringkat, sama ada di peringkat negara maupun antarabangsa melalui penglibatan dengan badan-badan profesional.

Staf akademik turut terlibat dalam persatuan-persatuan akademik dan badan-badan profesional di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Di samping itu, kepakaran staf akademik USIM juga dirujuk oleh organisasi dan pertubuhan lain. Senarai penglibatan tersebut seperti berikut :

**Jadual 3.1 : Bilangan Penglibatan Staf Akademik dalam Badan Profesional**

KHIDMAT KEPAKARAN	PERINGKAT KEBANGSAAN	PERINGKAT ANTARABANGSA	JUMLAH
Persatuan Akademik	20	6	26
Badan Profesional	83	42	125





## INDUSTRI-AKADEMIA (PENEMPATAN STAF AKADEMIK)

Seramai enam orang staf akademik telah mengambil cuti sabatikal di industri sebagai sebahagian daripada program pengukuhan staf akademik melalui program hubungan industri-akademik. Lima orang daripadanya merupakan pensyarah FPSK yang ditempatkan di Hospital Ampang, Kuala Lumpur manakala seorang pensyarah dari FST menjalani sangkutan di UPM, Serdang.

Hal ehwal hubungan industri diletakkan di bawah pengurusan Pusat Hubungan Industri dan Pengkomersialan (PHIP). PHIP berjaya mendapatkan beberapa institusi sebagai rakan strategik bagi tujuan penempatan staf akademik. Dalam masa yang sama, USIM juga telah menandatangani MoU dengan beberapa syarikat seperti Envogreen, INCEIF, ISRA, Taibah University (Madinah, KSA), DPMM KL, Bank Muamalat Malaysia Bhd. dan University of Bangor, United Kingdom.

Selain itu, USIM turut menandatangani empat perjanjian MoA dengan pihak industri iaitu dengan pihak Nutramedica Laboratories Sdn. Bhd., SME Corp. Malaysia Bhd., Darul Quran JAKIM dan Majlis Perancangan Kewangan Malaysia. Perjanjian-perjanjian MoA ini telah membuka ruang kepada staf-staf akademik untuk mendapatkan penempatan di industri.

## PEMBANGUNAN PUSAT-PUSAT KECEMERLANGAN (COE)

Dalam usaha untuk meningkatkan lagi reputasi USIM dalam penyelidikan, perundingan dan perkhidmatan, USIM telah mengambil langkah menuju pusat-pusat kecemerlangan. Sebanyak tiga COE yang baru ditubuhkan iaitu Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM), Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA) dan Akademi Permata Insan (API) menjadikan jumlah keseluruhan lima buah COE. Bagi mencapai matlamat tersebut, beberapa aktiviti utama telah dilaksanakan seperti Projek Pembinaan Daya Upaya (*capacity building*), Projek Penjanaan Kewangan dan Projek Kolaborasi Antarabangsa.

### Projek Pembinaan Daya Upaya (*Capacity Building*)

#### *Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)*

INFAD yang ditubuhkan pada 2003 memainkan peranan sebagai pusat penyelidikan dan perundingan yang berwibawa berkaitan pelbagai aspek fatwa dan menawarkan perkhidmatan kepakaran dan penyediaan input acara profesional kepada masyarakat, badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan serta pihak-pihak lain yang berminat bagi memperkuuh fungsi dan governan institusi-institusi fatwa seluruh dunia.

INFAD telah mengadakan usaha pemasyarakatan fatwa melalui lima siri Muzakarah Isu Semasa seperti berikut :



### Jadual 3.2 : Siri Muzakarah INFAD 2010

SIRI MUZAKARAH	TAJUK KAJIAN	PEMBENTANG
Siri 1:2010	Merokok dan Hukumnya: Satu Kajian Komprehensif Menurut Perspektif Islam	Dr. Zulkifli Mohammad al-Bakri, Karyawan Tamu INFAD
Siri 2:2010	Keabsahan Penggunaan Nama Allah	Dr. Zulkifli Mohammad al-Bakri, Karyawan Tamu INFAD
Siri 3:2010	أحكام رعاية الطفل النقيط في الإسلام	Y. Bhg. Prof. Dr. Ibrahim Mohamed Khalaf Khilaf, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM
Siri 4:2010	Penilaian Manuskrip Filem Seram, Khurafat, Tahlul, Kebudayaan Karut, Ghaiyiat dan Sebagainya: Kesannya Terhadap Pembangunan Minda Masyarakat	Y. Bhg. Dato' Haji Nooh Gadot
Siri 5:2010	Sistem Kewangan dan Perbankan Islam di Malaysia: Satu Penilaian Kritis	En. Abdullaah Jalil, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM

INFAD turut mengadakan kerjasama dengan Radio USIM melalui sesi perbincangan yang meliputi akidah, tasawuf, syariah, kewangan Islam, pentadbiran dan undang-undang Islam oleh para pensyarah dan tokoh-tokoh tertentu.

### Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI)

IFWMI telah menjalankan usaha pembinaan daya upaya dengan menganjurkan Diskusi IFWMI secara tahunan yang bertujuan menjadi platform perkongsian maklumat dan ilmu di antara penyelidikan, pelajar USIM dan penceramah. Sebanyak lima diskusi telah diadakan yang disertai oleh felo-felo penyelidik IFWMI, kakitangan akademik, pelajar sarjana dan juga individu daripada organisasi rakan IFWMI.

Tema bagi setiap Siri Diskusi IFWMI bagi tahun 2010 disenaraikan seperti berikut:

### Jadual 3.3 : Siri Diskusi IFWMI 2010

SIRI MUZAKARAH	TAJUK KAJIAN	PEMBENTANG
Siri 1:2010	Pengalaman Auditor Dalam Perlaksanaan Audit Syariah Di Institusi Kewangan	En Nizam Ahmad & Ustaz Rofaizal Ibrahim daripada Aftaas Syariah Consultancy Services
Siri 2:2010	Audit Program Untuk Mudharabah Dan Murabahah	En Razak Yaakob, Pengarah , Business Development, IBFIM
Siri 3:2010	Islamic Finance: Structure-Objective Mismatch & Russian Response To Contemporary Challenges	Prof Dr. Vladimir Zaznabin & Prof Dr. Zubair Hasan
Siri 4:2010	Developing Halal Traceability Framework For Halal Products And Services	Dr. Johan Fischer, Roskilde University, Denmark
Siri 5:2010	Shariah Screening Methodologies	Dr. Shehab Marzban



Prof. Dr. Mohd Sakri @ Shukri Salleh, Pengarah ISDEV, USM telah dilantik sebagai Profesor Pelawat IFWMI pada 22 November 2010 hingga 21 Disember 2010. Antara aktiviti sepanjang beliau di IFWMI adalah menyampaikan syarahan dalam program *Warasyah Taqwiyah Fi Usul Fi Fiqh Muamalat*, membentangkan kertas kerja bertajuk *Rethinking Islamic Wealth Management: An Islamic Preliminary View at Workshop in Shari'ah Issues In Islamic Wealth Management*, menghadiri perbincangan bersama dengan Dato' Dr. Ismail Ibrahim (KURSI Abdullah Fahim) dan Dato' Prof. Mohd Yusoff Othman (Pengarah Institut Islam Hadhari, UKM) dan menjadi panel penilai di Bengkel Penyediaan Proposal Penyelidikan FRGS Pusat-Pusat Kecemerlangan USIM.

### **Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM)**

IHRAM ditubuhkan pada 1 Januari 2010, dengan memberi fokus menjalankan 6P (penyelidikan, pembangunan, pengembangan, promosi, perundingan dan perkhidmatan) dalam pengurusan halal dan melaksanakan tanggungjawab fardhu kifayah terhadap masyarakat sekeliling.

Sehubungan itu, IHRAM telah melantik dua orang penasihat iaitu Prof. Abdul Salam Babji, UKM dan Pn. Mariam Abdul Latiff, Halal Development Centre (HDC) yang bertujuan membantu menggerakkan hasrat murni IHRAM dengan terancang dan mantap. Kedua-dua penasihat merupakan pakar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam bidang Sains Daging dan Industri Halal.

IHRAM turut menjadi rujukan oleh industri halal Malaysia apabila dijemput menjadi Penceramah Pakar dalam seminar dan program di peringkat kebangsaan seperti Seminar Perkhidmatan Ujian Kimia dan Teknologi Makanan untuk Usahawan 1Malaysia, Muzakarah Pakar Unsur Babi: Isu dan Cabaran dan Bengkel Pemantapan Kemahiran Fasilitator Pengurusan Pemantauan Halal dan Penyembelihan 2010.

Selain itu, IHRAM dengan FST dan Persatuan Siswazah FST juga telah berjaya menganjurkan Seminar Optimizing Your Laboratory's Productivity, Via Improved Sample Preparation Technique Advanced Column Technology yang ditaja oleh IT-Tech, Agilent Technologies.

### **Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA)**

ACREDA yang telah ditubuhkan pada Januari 2010 berperanan sebagai pusat kecemerlangan berteraskan perkhidmatan dan latihan (service thrusts). ACREDA telah menggiatkan aktiviti utama iaitu latihan dan perkhidmatan serta mencari dana untuk perlaksanaan program penyelidikan. Di samping itu, ACREDA juga telah memulakan usaha publisiti melalui pembangunan laman web, dan penyediaan brosur mengenai perkhidmatan yang dikendalikan oleh ACREDA. Antara perundingan dan latihan yang telah dijalankan oleh ACREDA seperti jadual berikut :



### Jadual 3.4 : Perundingan dan Latihan Anjuran ACREDA 2010

PERUNDINGAN	LATIHAN
Perbincangan Latihan bersama Yayasan Nur Salam, Kuala Lumpur.	Program Outreach bersama Pengasih & AADK Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
Konsultasi Kajian Care & Cure, En. Rafidi Jusoh (Komandan PERSADA).	Program bersama pelajar Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan dadah) untuk Kajian Tahap Pengetahuan Agama dan Pemulihan.
Perbincangan dengan Bahagian Penyakit Kawalan, Kementerian Kesihatan Malaysia.	Program Rintis Pengupayaan Komuniti bagi Pemimpin Komuniti Tempatan.
Mesyuarat bersama PDRM, Bahagian Narkotik untuk kursus jangka pendek.	Program Rintis Pengupayaan Komuniti bagi Pemimpin Komuniti Tempatan.
Konsultasi dengan AADK Negeri Sembilan bagi program Transformasi Pencegahan.	
Konsultasi Kajian Pencegahan dalam Penyelidikan dengan Pegawai AADK, Puan Norasiken Abdullah.	
Perbincangan konsultasi bersama Bahagian Rawatan & Pemulihan AADK.	

### Akademi Permata Insan (API)

Program Permata Insan merupakan kesinambungan daripada program Permata Negara yang dinaungi oleh isteri Perdana Menteri Y.A.Bhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor. Program ini telah dilancarkan secara rasmi pada 12 Mac 2010. Program ini telah dikembangkan sebagai sebuah pusat kecemerlangan yang diklasifikasikan sebagai pusat kecemerlangan dalam kategori pengajaran dan pembelajaran. Sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan yang baru, program ini dikenali sebagai Akademi Permata Insan (API) yang menumpukan 70% kepada pengajaran dan pembelajaran manakala 30% kepada penyelidikan dan inovasi bagi mengukuhkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak pintar.

API telah berjaya melaksanakan aktiviti yang dirancang bagi melahirkan bakal ilmuwan pemikir Islam agung berteraskan al-Quran dan al-Sunah. API turut menjalankan penyelidikan berkaitan modul kurikulum yang bersesuaian serta aktiviti promosi menerusi laman web dan brosur. API juga mengadakan perundingan dengan KPM, Permata Pintar UKM, Syarikat Infra Pesona, TV Al-Hijrah, Syarikat ASBA Architect Sdn. Bhd. dan Syarikat Internexia Sdn. Bhd.

Selain aktiviti perundingan, pelbagai aktiviti luar seperti bengkel, seminar dan diskusi telah dilaksanakan bagi memantapkan dan mengembangkan lagi kepakaran masing-masing. Berikut merupakan antara aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Pelaksana Program Permata Insan USIM:

- Bengkel Pembangunan USIM-1 Program Permata Insan.
- Ujian Kecerdasan Minda Kanak-kanak.
- Bengkel Pemurnian Kurikulum dan Ujian USIM-1.
- Bengkel Modul Kurikulum.
- Lawatan Teknikal ke Kompleks Sekolah PERMATA Pintar Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM.
- Bengkel Latihan Guru Pembimbing dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).
- Kem Permata Insan 2010.
- Lawatan Kerja Y.A.Bhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor ke Kem Permata Insan.



## Projek Penjanaan Kewangan

Selain projek penjanaan kewangan melalui perolehan geran-geran penyelidikan yang bersesuaian daripada pihak luar, INFAD turut aktif dalam Projek Penterjemahan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, JAKIM dari bahasa Melayu ke bahasa Inggeris. Projek ini telah siap dan telah diserahkan kepada urus setia di JAKIM.

Selain itu, ACREDA juga telah merancang untuk mengeluarkan produk latihan berdasarkan hasil inovasi iaitu COMBAT-DAPS dan INTACT Model 2010.

## Projek Kolaborasi Antarabangsa

IHRAM telah menerima lawatan kerja sekumpulan delegasi antarabangsa daripada World Halal Forum (WHF) dan World Halal Research (WHR). Lawatan ini telah berjaya mengetengahkan USIM di peringkat antarabangsa dengan memberi pendedahan kepada delegasi ini tentang perkhidmatan dan fasiliti yang ditawarkan oleh USIM.

ACREDA pula, dengan kerjasama Unit Antarabangsa AADK telah menganjurkan latihan khusus untuk ASEAN and *China Cooperative Operations in Response to Dangerous Drugs* (ACCORD) yang ditaja oleh UNODC sebanyak RM100,400.00. Latihan ini merupakan kerjasama dengan 10 wakil negara-negara Asean seperti Brunei, Thailand, Indonesia, Singapura, Burma, Vietnam, Laos, Kemboja, Filipina, China dan Malaysia.

Selain itu, ACREDA turut mengadakan dua penyelidikan kolaborasi bersama National Institute On Drug Abuse International Forum dan National Drug and Alcohol Research Center, UNSW, Sydney Australia.

Di samping itu, API telah memantapkan program dan modul kurikulum dengan mengadakan lawatan kerja ke Universiti King Abdul Aziz, Riyadh dan Universiti Taiyibah, Madinah, Arab Saudi.





## PENYELIDIKAN DAN PERSIDANGAN

**Jadual 3.5: Penyelidikan dengan Geran Universiti**

BIL.	FAKULTI	BIL. PROJEK
1.	Fakulti Kepimpinan & Pengurusan (FKP)	1
2.	Fakulti Syariah & Undang-Undang (FSU)	2
3.	Fakulti Sains & Teknologi (FST)	2
4.	Fakulti Ekonomi & Muamalat (FEM)	0
5.	Fakulti Pengajian Quran & Sunnah (FPQS)	0
6.	Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU)	7
7.	Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan (FPSK)	3
8.	Fakulti Pergigian (FPg)	0
9.	Pusat Pengajian Teras (PPT)	1
<b>JUMLAH</b>		<b>16</b>

**Jadual 3.6: Penyelidikan dengan Geran FRGS**

BIL.	KLUSTER	BILANGAN PROJEK	JUMLAH GERAN (RM)
1.	Kluster Teknologi & Kejuruteraan	2	64,000.00
2.	Kluster Sains Gunaan	2	84,500.00
3.	Kluster Sains Sosial & Kemanusiaan	7	200,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>11</b>	<b>348,500.00</b>

**Jadual 3.7: Penyelidikan dengan Geran Luar**

BIL.	TAJUK PROJEK	BILANGAN PROJEK	JUMLAH GERAN (RM)
1.	Kementerian Sains Dan Teknologi (MOSTI) ScienceFund	1	180,000.00
2.	Projek Permata Insan	3	80,000.00
3.	Lembaga Tabung Haji	1	(tidak dinyatakan)
4.	Lembaga Zakat Selangor	1	4,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>6</b>	<b>264,000.00</b>



Antara pameran dan pengiktirafan yang diperoleh seperti berikut :

### **Jadual 3.8 : Penyertaan USIM dalam Pameran-pameran Penyelidikan**

BIL.	MAKLUMAT PAMERAN	JUMLAH PENYERTAAN	JUMLAH ANUGERAH YANG DITERIMA
1.	Pameran Inovasi Peringkat Negeri Sembilan 2010	5	-
2.	Pameran National Biotechnology 2010	3	-
3.	Pameran World Halal Research Summit 2010	2	-
4.	Ekspo Inovasi Islam (i-INOVA) 2010	10	1 pingat emas 1 pingat Ibn Sina
5.	SMIOSS (SMI One Stop Solution) 2010	10	10
6.	Pameran sempena Persidangan Menteri-Menteri Pengajian Tinggi dan Saintifik Islam Kelima	7	7
7.	Pameran Karnival Inovatif Malaysia (Zon Tengah) 2010	4	4
8.	National Research and Innovation Competition 2010	2	2 pingat emas
9.	Ekspo Inovasi Dan Penyelidikan Dalam Kaunseling	5	2 pingat emas, 2 pingat perak, 1 pingat gangsa

Bagi mencapai matlamat universiti untuk melahirkan cendekiawan tersohor, sebanyak 13 buah persidangan telah dianjurkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Persidangan yang telah dianjurkan bagi tahun 2010 disenaraikan seperti di bawah :

### **Jadual 3.9 : Persidangan yang Dianjurkan bagi Tahun 2010**

BIL.	MAKLUMAT PERSIDANGAN
1.	Persidangan Antarabangsa Da'wah & Pengurusan Islam : Pengalaman & Masa Depan USIM 2010 (ic-DAIM)
2.	Konvensyen Keusahawanan Islam Kali Ke-5 2010 (iCEPS-5 2010)
3.	Seminar Kepimpinan & Pengurusan
4.	Syarahan Umum Syariah dan Undang-Undang Tuanku Najihah Kali Ke-5
5.	Seminar Syariah & Undang-Undang Peringkat Kebangsaan (SYUK 2010)
6.	Seminar Warisan Nabawi Kali Ke-2 (SWAN 2010)
7.	Seminar Quran, Sunnah & Sains (SQSS)
8.	Seminar 4th Islamic Banking and Finance (4th iBAF) 2010
9.	Kolokium Pasca Siswazah
10.	Dental Scientific Seminar and Exhibition 2010
11.	Pengajian Islam Menjana Keintelektualan Ummah (PIMKU 2010)
12.	Seminar Sains Aktuari ASRIM 2010
13.	Konvensyen Keusahawanan Islam Kali Ke-6 2010 (iCEPS-6 2010)





USIM juga amat menyokong usaha perkongsian ilmu sesama cendekiawan di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa dengan menghantar 195 staf akademik sama ada sebagai pembentang atau menghadiri persidangan dalam negara (34 pembentangan kertas kerja oleh staf akademik USIM di luar negara).

## PENERBITAN

Para pensyarah USIM telah memainkan peranan aktif dalam penerbitan buku, artikel jurnal, artikel prosiding dan penerbitan lain.

**Jadual 3.10: Senarai Penerbitan Staf Akademik USIM**

BIL.	JENIS PENERBITAN	JUMLAH
1.	Buku	142
2.	Artikel Jurnal diindeks (ISI/SCOPUS)	63
3.	Artikel Jurnal tidak diindeks	68
4.	Artikel dalam Prosiding	432
5.	Penerbitan Lain	71
JUMLAH		776





Sebanyak 142 buah buku yang telah ditulis oleh para pensyarah USIM telah diterbitkan iaitu 32 buah tajuk diterbitkan oleh Penerbit USIM dan baki 109 buah tajuk diterbitkan oleh penerbit-penerbit luar. Senarai buku yang telah diterbitkan oleh Penerbit USIM seperti di bawah.

### **Jadual 3.11 : Senarai Buku yang Diterbitkan oleh Penerbit USIM**

BIL.	JUDUL PENERBITAN BUKU
1.	Sapora Sipon & Ruhaya Husin. 2010. <i>Teori Kaunseling dan Psikoterapi</i> . Edisi Kedua. Nilai: Penerbit USIM
2.	Harison Mohd Sidek. 2010. <i>Reading Instruction Theory and Practice</i> . Nilai: Penerbit USIM
3.	Normazla Ahmad Mahir, Noor Saazai Mat Saad & Harison Mohd Sidek (penyunting). 2010. <i>Essays on ESL Reading and Writing</i> . Nilai: Penerbit USIM
4.	Sapora Sipon & Hapshah Yusof. 2010. <i>Pengenalan Kepada Profesjon Kaunseling</i> . Nilai: Penerbit USIM
5.	Harison Mohd Sidek. 2010. Bahasa Kedua: <i>Perbezaan Individu dan Literasi</i> . Nilai: Penerbit USIM
6.	Muhamad Mustaqim Mohd Zarif. 2010. <i>Al-Hakim al-Naisaburi dan Metodologi Hadis al-Mustadrak ala al-Sahihain</i> . Nilai: Penerbit USIM
7.	Zulkiple Abd Ghani. 2010. <i>Dakwah Dalam Era Siber Di Malaysia</i> . Nilai: Penerbit USIM
8.	Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali. 2010. <i>The Modern Study of Religion: A Preliminary Survey On Cliford Geertz</i> . Nilai: Penerbit USIM
9.	Azman Ab Rahman & Irwan Mohd Subri (penyunting). 2010. <i>Pelaburan Wang Zakat Menurut Perspektif Islam</i> . Nilai: Penerbit USIM
10.	Mohd Radhi Ibrahim. 2010. <i>Pembangunan Insaniah Untuk Remaja Islam</i> . Nilai: Penerbit USIM
11.	Rezki Perdani Sawai & Sapora Sipon. 2010. <i>Siri Permata Insan - ermata Berbicara: Komunikasi dalam Keluarga</i> . Nilai: Penerbit USIM
12.	Asma Abdul Rahman & Maimun Aqsha Lubis. 2010. <i>Siri Permata Insan - Kaedah Pengajaran Bahasa Arab untuk Kanak-kanak Pintar</i> . Nilai: Penerbit USIM
13.	Sapora Sipon. 2010. <i>Siri Permata Insan - Mengurus Emosi Kanak-kanak Cerdas</i> . Nilai: Penerbit USIM
14.	Alina Abd. Rahim. 2010. <i>Siri Permata Insan - Pemakanan Islam Penjana Kanak-kanak Pintar</i> . Nilai: Penerbit USIM
15.	Noor Azizi Ismail & Syamsul Bahri Andi Galigo. 2010. <i>Siri Permata Insan - Pendidikan Kanak-kanak dalam Islam</i> . Nilai: Penerbit USIM
16.	Mohamed Akhiruddin Ibrahim & Azniwati Abdul Aziz. 2010. <i>Siri Permata Insan: Mengenali Makanan Dalam al-Quran</i> . Nilai: Penerbit USIM



BIL.

JUDUL PENERBITAN BUKU

17.	Mohamed Akhiruddin Ibrahim & Rahimah Saimin. 2010. <i>Siri Permata Insan: The Universe in the Holy Quran</i> . Nilai: Penerbit USIM
18.	Mohamed Akhiruddin Ibrahim & Azlina Mohamed Nor. 2010. <i>Siri Permata Insan: Animals in The Holy Quran</i> . Nilai: Penerbit USIM
19.	Amin Al-Haadi Shafie & Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim. 2010. <i>Siri Permata Insan: Stres Dalam Kalangan Kanak-kanak</i> . Nilai: Penerbit USIM
20.	Mohd Rosmizi Abd Rahman. 2010. <i>Introduction to Islamic and Buddhist Personal Ethics</i> . Nilai: Penerbit USIM
21.	Kumpulan pensyarah FPBU & PPU. 2010. <i>Muqarar Al-Lughah Al-Arabiyah Al-Ula</i> . Nilai: Penerbit USIM
22.	Kumpulan pensyarah FPBU & PPU. 2010. <i>Kitab Muqarar Al-Lughah Al-Arabiyah Al-Thaniyah</i> . Nilai: Penerbit USIM
23.	Kumpulan pensyarah FPBU & PPU. 2010. <i>Kitab Muqarar Al-Lughah Al-Arabiyah Al-Thalithah</i> . Nilai: Penerbit USIM
24.	Syamsul Bahri Andi Galigo. 2010. <i>Muhadarat fi Al-Aqidah Al-Islamiyyah</i> . Nilai: Penerbit USIM
25.	Ayad N. Abdullah. 2010. <i>Al-Lughah Al-Arabiyyah Bayna Tahadiyat Qadimah Wa Muasarah – Dirasah Lughawiyah</i> . Nilai: Penerbit USIM
26.	Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2010. <i>Al-Ikhtilaf fi Fiqh Al-Mawarith-Dirasah Midaniyyah 'An Tat biqatuha fi Maliziya</i> . Nilai: Penerbit USIM
27.	Zainab Kassim. 2010. <i>Pocket Guide: Systemic Paediatric Clinical Examination</i> . Nilai: Penerbit USIM
28.	Mousbah Mansur Musa. 2010. <i>Al-Isytiraq wa Asaruhu 'Alal Islam wal Muslimin Fil Asril Hadir</i> . Nilai: Penerbit USIM
29.	Wang Yong Bao @ Ahmed Musa. 2010. <i>Nazariyah Fi Al-Fiqh Al-Islami Wa Tatbiqatuha Fil Hudud Wal Qisas</i> . Nilai: Penerbit USIM
30.	Mohd Fauzi Mohd Amin. 2010. <i>Dirasat fil Hadith Ad-Doif wa Ahkamih</i> . Nilai: Penerbit USIM
31.	Mohd Yusof Noor. 2010. <i>Al-Bahs fi Khair wa Ak-Syar</i> . Nilai: Penerbit USIM
32.	Syamsul Bahri Andi Galigo. 2010. <i>Muhodarat fi Adab Al-Ikhtilaf</i> . Nilai: Penerbit USIM



**Jadual 3.12: Penerbitan Buku oleh Staf Akademik USIM 2010 Mengikut Kategori dan Bahasa**

JENIS BUKU	BAHASA MELAYU	BAHASA INGGERIS	BAHASA ARAB	JUMLAH
Buku Suntingan/Kompilasi	6	8	1	15
Kamus	-	1	-	1
Buku Elektronik	3	-	-	3
Buku Jenis Am	14	7	4	25
Buku Jenis Popular	6	4	1	11
Buku Jenis Rujukan	13	8	5	26
Buku Teks	16	16	27	59
Buku Terjemahan	1	-	1	2
<b>JUMLAH</b>	<b>59</b>	<b>45</b>	<b>38</b>	<b>142</b>

Bagi memantapkan usaha penerbitan buku, pihak universiti telah mengambil langkah meningkatkan lagi keupayaan Unit Penerbitan dengan menjadikan Penerbit USIM sebagai penerbit yang cemerlang dan disegani dalam penerbitan buku-buku ilmiah, menawarkan khidmat profesional penerbitan seperti penyuntingan, grafik, atur huruf dan juga mengurus penerbitan untuk warga USIM dan pelanggan di luar USIM serta bertindak sebagai sebuah pusat tanggungjawab yang turut menjana pendapatan daripada penjualan buku dan produk lain.

Selaras dengan usaha universiti melahirkan cendekiawan tersohor, terutama dalam konteks penerbitan, staf akademik telah didedahkan dengan pelbagai bengkel penulisan dan penerbitan. Sebanyak tiga bengkel telah dilaksanakan sepanjang tahun 2010, iaitu Bengkel Penulisan Laporan dan Kertas Kerja, Bengkel Pemindahan Tesis ke Buku dan Bengkel Pemurnian Artikel Untuk Diterbitkan Dalam Jurnal Ulum Islamiah (UIJ).

Unit ini juga memainkan peranan yang aktif dalam aktiviti Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM). Pada tahun 2010, USIM telah menyertai sebanyak 23 pameran buku di dalam negara, sama ada bersama MAPIM ataupun persendirian.

Keupayaan penerbitan USIM juga terbukti dengan penerimaan dua anugerah pada tahun 2010, iaitu Pemenang Pingat Emas Kategori Buku (Teori Kaunseling & Psikoterapi Edisi Kedua) dan Pemenang Pingat Perak Kategori Buku (Pengenalan kepada Profesional Kaunseling) sempena Pertandingan Inovasi & Rekaceipta Kaunseling anjuran UMT & PERKAMA.



# **USIM KRA 4**

## **MEMBENTUK MODAL INSAN YANG INOVATIF DAN BUDAYA KERJA YANG GEMILANG**



## MEMBENTUK MODAL INSAN YANG INOVATIF DAN BUDAYA KERJA YANG GEMILANG

USIM KRA4 menfokuskan kepada pembentukan modal insan yang inovatif dan budaya kerja yang gemilang. Ia merangkumi CAP10: Leadership, CAP12: Life Long Learning, CAP13: MyBrain 15 (MB 15) dan CAP USIM: Pembangunan Modal Insan.

CAP10 adalah untuk mewujudkan Pelan Penggantian yang merupakan satu proses mengenal pasti dan menentukan calon-calon bersesuaian untuk menggantikan peneraju jawatan-jawatan utama sesebuah institusi.

CAP12 pula berkaitan dengan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang bermaksud aktiviti pelajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan sepanjang hayat. Ianya merangkumi program pemerolehan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi sama ada secara formal atau tidak formal berdasarkan pengalaman dan latihan di tempat kerja. PSH dianggap bermanfaat kepada individu kerana ia dapat membaiki kehidupan seseorang menerusi peningkatan kemahiran kerja, pemberian sahsiah diri dan juga penambahan ilmu pengetahuan.

### PELAN PENGGANTIAN DAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

Latihan bagi staf pentadbiran dikendalikan oleh Bahagian Modal Insan (BMI), Jabatan Pendaftar manakala Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran (PIPP) mengendalikan urusan latihan khusus untuk staf akademik.

Sebanyak 44 kursus dalaman telah dirancang pada awal tahun untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2010. Daripada jumlah tersebut, 39 kursus telah berjaya dilaksanakan iaitu pencapaian pelaksanaan adalah sebanyak 89% dengan penglibatan seramai 1357 penyertaan. Manakala, PIPP telah menganjurkan 19 daripada 22 kursus yang dirancang yang melibatkan penyertaan seramai 863 orang staf akademik. Kursus-kursus dalaman yang dilaksanakan adalah berdasarkan perancangan asal serta mengikut keperluan dan permintaan semasa.





BMI telah menghantar seramai 127 orang staf pentadbiran dan PIPP telah menghantar seramai 56 orang staf akademik untuk mengikuti kursus luar (anjuran pihak agensi kerajaan dan swasta). Penghantaran peserta adalah bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang melibatkan bidang kritikal.

Sebanyak sembilan program sangkutan telah dilaksanakan yang mempunyai objektif utama untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang perkongsian amalan terbaik (*best practise sharing*) yang bersesuaian dan boleh diamalkan di USIM. Jadual di bawah menunjukkan senarai kursus (dalam dan luar) serta program sangkutan yang telah berjaya dilaksanakan:

#### **Jadual 4.1: Senarai Kursus Dalam dan Luar yang Telah Dilaksanakan**

BIL.	NAMA PROGRAM
1.	Kursus Induksi Kumpulan Sokongan I (Gred 17-26) Dan Sokongan II (Gred 1-16) Bil. 1/2010
2.	Kursus Coaching and Mentoring
3.	Kursus Pengurusan Stres dalam Organisasi
4.	Kursus Pengurusan Perolehan Kerajaan
5.	Bengkel Penyediaan Klasifikasi Fail USIM
6.	Kursus Training of Trainers
7.	Kursus 'Seronoknya Bekerja di USIM'
8.	Kursus Pemerkasaan Perkhidmatan Pelanggan – Peranan dan Tanggungjawab Staf USIM
9.	Kursus Asas Cucian Bangunan Bagi Juruteknik dan Penyelia Bangunan
10.	Kursus Pendakwaan Asas
11.	Kursus Asas Kebakaran Bahagian Keselamatan/Smart Team USIM
12.	Kursus Pengurusan dan Pengendalian Ancaman Keselamatan
13.	Bengkel Pemantapan Sistem myAKRAB
14.	Kursus Profesionalisme Pembantu Tadbir
15.	Kursus Pembinaan Semangat Berpasukan 2010
16.	Bengkel Pembangunan Teras Berdasarkan Gred Jawatan dan Skim Perkhidmatan Fasa II (Komponen Generik, Wajib Universiti dan ICT)
17.	Bengkel Pembangunan Teras Berdasarkan Gred Jawatan dan Skim Perkhidmatan Fasa II (Klasifikasi Perkhidmatan B, C, F, KP, S dan U)
18.	Taklimat Pengurusan Tatatertib
19.	Kursus Transformasi Diri dan Personaliti
20.	Bengkel Pembangunan Teras Berdasarkan Gred Jawatan dan Skim Perkhidmatan Fasa I (Klasifikasi Perkhidmatan J, N, R Dan W)



## Laporan Tahunan 2010 Universiti Sains Islam Malaysia

BIL.	NAMA PROGRAM
21.	Bengkel Pemurnian Sistem Fail USIM (Fasa Pertama)
22.	Kursus Protokol dan Etiket Sosial
23.	Kursus Induksi Khusus dan Umum Kumpulan P&P dan Sokongan 1 Bil. 1/2010
24.	Kursus Pengurusan Terimaan Wang Awam dan Hasil USIM
25.	Bengkel Pemindahan Tesis ke Buku
26.	Kursus Kepimpinan dan Penyeliaan Berkesan
27.	Taklimat Desentralisasi Cuti Belajar kepada Fakulti
28.	Kursus Pengurusan Stor
29.	Kursus Orientasi Staf Baru di Fakulti
30.	Taklimat dan Latihan Terkini Aplikasi Sistem Munazzim (Modul Latihan)
31.	Kursus Kecemerlangan Diri
32.	Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo Berkualiti
33.	Taklimat Pendidikan Pengundi dan Program Kesedaran Mengenai Sistem dan Pengurusan Pilihan Raya di Malaysia
34.	Kursus Pengucapan Awam
35.	Kursus Pengurusan Fail dan Rekod
36.	Kursus Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan
37.	Kursus Prosedur/Tatacara Kewangan
38.	Kursus Pengurusan Mesyuarat dan Penulisan Minit Mesyuarat Berkualiti
39.	Bengkel Penambahbaikan Pemilihan Anugerah Khas Peringkat USIM

### Jadual 4.2: Senarai Kursus Luaran yang Telah Dilaksanakan

BIL.	NAMA KURSUS
1.	Essential of Clinical Teaching
2.	Bengkel Penggubalan Buku Panduan Kod Amalan Keselamatan Pengangkutan Pelajar IPTA
3.	BEM Mandatory Courses on Engineering Managements Practice
4.	Talk On IT Governance & COBIT Framework



BIL.	NAMA PROGRAM
5.	Kursus Keselamatan Perlindungan Modul Kursus Asas Kawalan Keselamatan Siri 5/2010
6.	Kursus Penyelengaraan & Penyesuaian Buku Vot
7.	Kursus Asas Kawalan Keselamatan
8.	Kursus Produksi Pementasan
9.	Seminar Pengurus-Pengurus Sumber Manusia IPTA Dan Badan Berkanun Di Bawah KPT
10.	Kursus Teori dan Teknik Terjemahan
11.	NKF Annual Dialysis Meeting
12.	Talk on It Audit Process & Managing It Risk
13.	Kursus Setiausaha yang Cemerlang
14.	Persidangan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti Kampus Pendidikan
15.	Bengkel Strategik Pemasaran MAPIM 2010
16.	Green Energy in Building Technology Conference
17.	Commercial System Design Course - Part 2
18.	Bengkel Training of Trainers (TOT) "Bengkel Pemikiran Kreatif, Kementerian Pengajian Tinggi
19.	Seminar Psikologi Perkhidmatan Awam Ke 16 Tahun 2010
20.	Kursus Pengurusan Tenaga Elektrik
21.	Bengkel Penilaian Risiko Dan Hasil Penarafan Audit
22.	Kursus Penyeliaan Berkesan
23.	Program Sangkutan Staf : Penerbitan Buku Teks - Unit Penerbitan
24.	Malaysia's Public Private Partnership
25.	Seminar Kesihatan: Reproduksi Manusia dan Rawatan Infertiliti
26.	BEM Code of Ethics/ Regulations
27.	Talk on Auditing Information Security & Control
28.	Workshop on Marketing and Promotion The Library Information Services
29.	Kursus Asas Siasatan & Risikan Pegawai Keselamatan IPTA
30.	Kursus Protokol dan Delegasi Luar Negara
31.	Halal Standards and Conformance Infrastructure For OIC Countries 2010
32.	Latihan Asas Pertahanan Awam Siri 07/2010



## Laporan Tahunan 2010 Universiti Sains Islam Malaysia

BIL.	NAMA PROGRAM
33.	Kursus Penyediaan Dokumen Tender Pre-Bid Bagi Tender Reka dan Bina
34.	Check Point Security Administraror NGX IR65
35.	Leadership Skills For Auditors
36.	Best Practice in Project Management (PMP)
37.	Green Solution Day
38.	Caso-Based Internal Auditing
39.	Kursus Asas Kawalan Keselamatan Siri 3/2010
40.	Bengkel Taxonomy
41.	Latihan Lanjutan PABX
42.	Check Point Certified Security Administrator NGX11
43.	Kursus Amalan Terbaik Belanjawan Mengurus
44.	Kempen Keselamatan 2010 UTHM
45.	A Workshop on Cataloging With Special Reference Arabic Materials
46.	Kursus Pengurusan Akaun Amanah
47.	Kursus Pembangunan Laman Web Menggunakan JOOMLA
48.	Conference on Community Oral Health (MCCOH 1)
49.	Kursus Analisa Keselamatan Pekerja
50.	Peraturan Perolehan Perkhidmatan Perunding bagi Projek JKR/Kerajaan
51.	Kursus Pengurusan Harta Pusaka dan Wasiat
52.	Latihan Pegawai Penilai Sistem Penilaian Kualiti dalam Pembinaan
53.	Kursus Analisis dan Rekabentuk Sistem
54.	Program Sangkutan Staf USIM
55.	Bengkel Penggunaan Alat Ukur Psikologi
56.	Persidangan dan Pameran Rangkaian ICT Intertop
57.	Workshop on Digitization
58.	Lecture on Ceramic Metal Free Restoration
59.	Thermoforming Course by Erkodent/Germany
60.	Master Installer Training



BIL.	NAMA PROGRAM
61.	Extron Product Showcase
62.	Continuous Medical Education for Nurses
63.	Business Empowering Series 2010
64.	Chekpoint Certified Administrator NGX 1
65.	Kursus Pengurusan Bayaran Bil. 01/2010
66.	Program Sangkutan Staf USIM
67.	Bengkel Pengkatalogan Asas NLM
68.	Kursus Penulisan Laporan dan Kertas Cadangan Berkualiti
69.	Kursus Pengukuhan Integriti Sektor Awam
70.	Kursus Kumpulan Inovatif Dan Kreatif Bil. 03/2010
71.	Seminar Kesedaran Kanser Payudara
72.	ABU Digital Broadcasting Symposium
73.	Public Talk 'Creativity of Critical Thinking'
74.	Program Sangkutan Staf USIM
75.	IPV4 / IPV6 Routing (Beginner) Workshop
76.	Latihan IBM Bladecenter Fundamentals
77.	Latihan Penggunaan Sistem Bayaran Berpusat MAPIM
78.	Kursus Perolehan Awam Bil 1/2010
79.	17th FDI/MDA Scientific Convention & Trade Exhibition

#### **Jadual 4.3: Senarai Program Sangkutan Staf USIM**

BIL.	NAMA	JAWATAN	AGENSI YANG DIPILIH
1.	Noor Syahrizan Abd Shukor	Pegawai Khidmat Pelanggan	Lembaga Tabung Haji
2.	i) Siti Norul Aini Latif ii) Mohd Helmi Daud	i) Pembantu Tadbir ii) Pembantu Tadbir	Universiti Malaya
3.	Mohd Khairulnizam Deraman	Penolong Pendaftar	Universiti Kebangsaan Malaysia
4.	Cik Nurhaslinda Abdullah	Penolong Pendaftar	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
5.	Cik Noor Adibah Mohamad	Pegawai Penerbitan	Dawama Sdn. Bhd.
6.	Hardy Ismail	Pengawal Keselamatan Kanan	Universiti Teknologi Malaysia
7.	Bakin Dollah	Pembantu Keselamatan	Universiti Putra Malaysia
8.	Juhari Jaafar	Pembantu Keselamatan	Universiti Kebangsaan Malaysia



Manakala program latihan berbentuk ICT sebanyak 16 siri latihan diadakan dengan melibatkan 482 orang penyertaan dan 11 siri program Tazkirah Syahriyyah dengan penglibatan seramai 1783 penyertaan juga telah dianjurkan oleh Bahagian Modal Insan, Jabatan Pendaftar. Antara program lain adalah Syarahan Perdana Sempena 10 Tahun USIM yang disampaikan oleh YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad bertajuk "Institusi Pengajian Tinggi Berteraskan Ilmu Islam: Antara Realiti dan Cabaran Masa Depan".

Selain itu, penekanan ke atas proses pusingan kerja (*job rotation*) yang dilihat penting untuk menyediakan staf yang mahir dalam semua bentuk tugas. Program ini dilaksanakan sebagaimana yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004: Panduan Pertukaran Pegawai Awam.

USIM telah meluluskan seorang staf pentadbiran bercuti belajar dengan biasiswa USIM untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana di IPTA tempatan pada tahun 2010. Manakala, seramai dua orang staf pentadbiran telah menamatkan pengajian di peringkat sarjana iaitu seorang daripada IPTA tempatan dan seorang daripada universiti luar negara.

Bagi pengajian separuh masa, seorang staf telah diluluskan pengajian di peringkat sarjana, sembilan orang peringkat ijazah sarjana muda dan tiga orang peringkat diploma. Pada tahun 2010 ini, seorang staf telah menamatkan pengajian di peringkat sarjana muda secara separuh masa. Senarai nama universiti dengan bilangan staf yang ditempatkan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.4 :

**Jadual 4.4: Senarai Staf Pentadbiran Bercuti Belajar yang Telah Tamat Pengajian Tahun 2010**

BIL.	NAMA	JAWATAN	JABATAN	PERINGKAT PENGAJIAN / TEMPAT PENGAJIAN / BIDANG
1.	Hammad Farhi Bin Mohd Saudi	Timbalan Pendaftar Kanan/ Ketua Bahagian	Bahagian Pengajian Prasiswazah	Sarjana / University of Brunel, London, UK / Sains (Corporate Brand Management)
2.	Noraini Bt Bahar	Arkitek Lanskap	Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti	Sarjana / UTM / Seni Bina





### Jadual 4.5: Data Latihan Tujuh Hari Setahun Staf USIM

BIL.	GRED / KUMPULAN	BILANGAN ANGGOTA	KURSUS PENDEK			BILANGAN ANGGOTA YANG HADIR KURSUS PANJANG > 3 BULAN
			BILANGAN ANGGOTA YANG HADIR > 7 HARI SETAHUN	BILANGAN ANGGOTA YANG HADIR < 7 HARI SETAHUN	BILANGAN ANGGOTA YANG TIDAK BERKURSUS	
1.	JUSA	32	27	5	0	-
2.	Pengurusan & Profesional	439	399	24	16	-
3.	Sokongan 1	378	347	28	3	-
4.	Sokongan 2	192	127	57	8	-
<b>JUMLAH</b>		<b>1041</b>	<b>900</b>	<b>114</b>	<b>27</b>	-
<b>PERATUS %</b>		<b>100%</b>	<b>86.45</b>	<b>10.95</b>	<b>2.59</b>	

Pelaksanaan latihan telah memberi impak positif kepada staf terutamanya dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan perubahan sikap yang bagi melahirkan staf yang berdedikasi, cekap, bertanggungjawab dan berdaya saing dalam melaksanakan tugas masing-masing.





## MYBRAIN 15 (MB 15)

Program MyBrain 15 adalah salah satu program agenda kritis di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Matlamat program adalah untuk mewujudkan kelompok sumber manusia yang berpengetahuan tinggi sebagai pemangkin kepada penyelidikan dan inovasi. Ini adalah penting bagi memastikan usaha Kerajaan untuk menjadikan pembangunan ekonomi berteraskan inovasi dapat dicapai dengan jayanya. Di bawah program ini, kerajaan menyasarkan untuk mencapai sebanyak 60 ribu pemegang PhD di kalangan rakyat Malaysia. KPI yang disasarkan ialah 67% staf akademik mempunyai kelayakan PhD atau setara.

## Pencapaian dan Aktiviti

Pada tahun 2010, seramai 55 orang staf akademik, pentadbiran dan felo siswazah telah diluluskan cuti belajar dalam pelbagai peringkat pengajian di dalam dan luar negara. Statistik staf dan felo siswazah yang telah diluluskan cuti belajar mengikut fakulti, jawatan, peringkat pengajian dan tempat pengajian adalah seperti di Jadual 4.6: Statistik Staf dan Felo Siswazah diluluskan Cuti Belajar Pada Tahun 2010.

Mulai September 2010, pengambilan felo siswazah telah dipergiatkan dalam memastikan strategi pencapaian peruntukan/kouta SLAB/SLAI USIM pada tahun 2010 (di bawah RMKe-9) dapat dipertingkatkan kepada tahap maksima untuk mengatasi kekangan peruntukan jawatan (Pensyarah/Tutor) USIM. Seramai 42 felo siswazah telah dilantik pada tahun 2010 bagi tujuan bercuti belajar.

Statistik keseluruhan staf dan felo siswazah yang sedang melanjutkan pengajian sehingga 31 Disember 2010 adalah seramai 233 orang iaitu seperti di Jadual 4.7: Statistik Keseluruhan Staf dan Felo Siswazah Sedang Cuti Belajar Pada Tahun 2010.

Seramai 27 staf cuti belajar telah berjaya menamatkan pengajian pada tahun 2010 iaitu terdiri daripada 14 peringkat PhD atau setara dan 13 peringkat Sarjana. Program MyBrain 15 ini telah berjaya meningkatkan peratusan staf akademik berkelayakan PhD atau setara kepada 29.83% butiran terperincinya adalah seperti Jadual 4.8: Kedudukan Pensyarah Berkelayakan PhD Mengikut Fakulti Sehingga 31 Disember 2010.

### Impak

Program MyBrain 15 staf akademik dan felo siswazah telah dapat meningkatkan pencapaian peratusan staf akademik mempunyai PhD dan seterusnya memperkasakan lapang bitara USIM.



**Jadual 4.6: Statistik Staf dan Felo Siswazah Diluluskan Cuti Belajar pada Tahun 2010**

BIL.	P'SYARAH		TUTOR		GURU BAHASA		FELO		P'SYARAH		P'SYARAH		TUTOR		GURU BAHASA		FELO		STAF PTDBIRAN	
	PhD	PhD	PhD	PhD	SARJANA KEPAKARAN	SARJANA	SARJANA	SARJANA	SARJANA	SARJANA	SARJANA	SARJANA	SARJANA	SARJANA	SARJANA	SARJANA	SARJANA	SARJANA	JUMLAH	
	DLM	LUAR	DLM	LUAR	DLM	LUAR	DLM	LUAR	DLM	LUAR	DLM	LUAR	DLM	LUAR	DLM	LUAR	DLM	LUAR	STAF PTDBIRAN	
FSU	2	1	2																2	7
FPQS	3																		2	9
FKP			1	1															3	5
FEM		2																		2
FST	3			5															8	16
FPBU																			3	3
FPSK	1	1			3															6
FPg		1				2													2	5
PPT	0		1																1	1
<b>Pentadbiran</b>																				
Jumlah	<b>11</b>	3	2	3	0	0	5	0	3	2	0	0	0	1	4	1	0	<b>18</b>	1	1
																			<b>55</b>	



**Jadual 4.7: Statistik Keseluruhan Staf dan Felo Siswazah Sedang Cuti Belajar pada Tahun 2010**

BIL.	P'SYARAH		TUTOR	GURU BAHASA	FELO	P'SYARAH	P'SYARAH	TUTOR	GURU BAHASA	FELO	STAF P'TDBIRAN	JUMLAH
	PhD	PhD	PhD	SARJANA KEPAKARAN	SUB KEPAKARAN	SARJANA	SARJANA	SARJANA	SARJANA	DLM	DLM	
	DLM	LUAR	DLM	LUAR	DLM	LUAR	DLM	LUAR	DLM	LUAR	DLM	LUAR
FSU	7	8	3	6								28
FPQS	7		1	1								19
FKP	4	4	5	9								26
FEM	8	5	4	7								24
FST	3	5	8	13	5	1				2	9	46
FPBU	6	5	2	4						2	3	22
FPSK	2	6		2			31	1	1	1		45
FPg		1					9	6		3		19
PPT	1		1									2
Pentadbiran												
Jumlah	38	34	22	43	0	0	6	1	40	7	0	21
												233



**Jadual 4.8: Kedudukan Pensyarah Berkelayakan PhD Mengikut Fakulti sehingga 31 Disember 2010**

PENSYARAH DS45 - VK7 / 6 / 5

FAKULTI	JUMLAH P'SYARAH	PhD		SARJANA KEPAKARAN		TIADA PhD	
		TETAP	KONTRAK	TETAP	KONTRAK		
FSU	45	5	7	0	0	33	26.67
FPQS	33	3	10	0	0	20	39.39
FKP	39	6	9	0	0	24	38.46
FEM	39	8	1	0	0	30	23.08
FST	42	15	9	0	0	18	57.14
FPBU	39	6	8	0	0	25	35.90
FPSK	76	2	7	4	2	61	19.74
FPg	33	0	0	2	1	30	9.09
PPT	6	0	0	0	0	6	0.00
<b>JUMLAH</b>	<b>352</b>	<b>45</b>	<b>51</b>	<b>6</b>	<b>3</b>	<b>247</b>	<b>29.83</b>

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Sasaran pembangunan modal insan adalah kepuasan kerja staf melebihi 80%. Ia merangkumi soal selidik kepuasan kerja, Penilaian Tahap Kecekapan (PTK), data bilangan staf bagi kenaikan pangkat, status jawatan dan staf antarabangsa serta kemudahan kebajikan kepada kakitangan.

## Hasil Soal Selidik Kepuasan Bekerja USIM Disember 2010


Pada tahun 2010, USIM mula melaksanakan Soal Selidik Kepuasan Bekerja yang dijalankan pada 13-15 Disember 2010 secara *online* kepada seluruh kakitangan dengan menggunakan tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Hasil soal selidik ini digunakan untuk membantu pihak pengurusan merancang dan melaksanakan program penambahbaikan perkhidmatan. Terdapat empat skop soalan yang terdapat di dalam soal selidik tersebut iaitu skop dan tugas kerja, peluang kemajuan dan peningkatan, hubungan dengan pelbagai pihak dan kebajikan. KPI hasil soal selidik yang dibuat menunjukkan semua responden mencapai skor 80%.



## Pencapaian

Hasil daripada soal selidik tersebut adalah seperti berikut:

**Rajah 4.1: Tahap Kepuasan Bekerja Staf USIM**



**Jadual 4.9: Tahap Kepuasan Bekerja Staf USIM**

ITEM	BERPUAS HATI	BIASA	TAK BERPUAS HATI
Skop dan tugas kerja	70.90%	18.86%	10.24%
Peluang kemajuan dan peningkatan	50.64%	37.08%	12.28%
Hubungan dengan pelbagai pihak	65.52%	29.10%	5.38%
Kebajikan	57.90%	33.32%	8.78%

## Aktiviti Pembangunan Modal Insan

### Projek Pengambilan

#### Iklan /eIRIS

Sistem ini menyediakan kemudahan permohonan perjawatan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui laman web secara *online*. Sistem ini dikenali sebagai eIRIS. Semua maklumat yang dihantar akan disimpan di dalam pangkalan data eIRIS. Status permohonan akan sentiasa dikemas kini oleh sistem mengikut proses yang dilakukan.



### **Matlamat**

eIRIS dibangunkan untuk mempercepatkan proses pengambilan staf akademik dan pentadbiran di mana capaian maklumat lebih pantas, simpanan maklumat lebih selamat (*storage of documents*) dan mengurangkan kos percetakan serta kos upahan pekerja sambilan.

### **Faedah / Impak**

Mempercepatkan proses permohonan dan pengambilan.

Proses saringan di BMI dan di PTJ dapat dipercepatkan dengan tapisan secara automatik. Penjimatan kos kertas dan tenaga kerja sambilan.

## ***Head Hunting***

Pencarian calon-calon yang mempunyai kelayakan PhD sama ada di dalam negara ataupun di luar negara untuk ditawarkan menjadi pensyarah di USIM.

### **Matlamat**

Head Hunting bertujuan untuk memperbanyakkan pensyarah yang mempunyai kelayakan PhD. Selain itu, ia bertujuan untuk meningkatkan mutu akademik di universiti dan bagi mencapai objektif MyBrain 15.

### **Faedah / Impak**

Melalui aktiviti Head Hunting ini, akan meningkatkan jumlah pemegang PhD di USIM dan seterusnya meningkatkan lagi pelaksanaan Program Pembelajaran dan Pengajian (P&P).

## ***Ujian Saringan Kakitangan (USK)***

Ujian Saringan Kakitangan (USK) ialah ujian yang disediakan untuk mengenal pasti potensi diri, personaliti, tahap kemahiran, keupayaan, minat, nilai dan sikap seseorang yang diukur melalui instrumen psikologi yang berbentuk ujian.

### **Matlamat**

Ujian Saringan Kakitangan (USK) bertujuan menguji kesesuaian bakal staf dari aspek personaliti dan diguna pakai oleh USIM secara *online* dalam melaksanakan urusan pelantikan staf.

### **Faedah / Impak**

Memperkasakan potensi tenaga kerja untuk melaksanakan *core business* universiti dalam pendidikan tinggi. Ia berguna untuk proses perancangan pembangunan kendiri dan kerjaya pada masa hadapan.



## Projek Pembangunan Kerjaya *myTRAMS*

Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) merupakan proses pembelajaran sepanjang hayat atau latihan yang bertujuan untuk membangunkan potensi dan kompetensi staf merangkumi pelbagai aktiviti pemerkasaan pengetahuan, kemahiran dan kualiti.

### Matlamat

Dalam menyokong pelaksanaan CPD USIM, aplikasi sistem berdasarkan web yang dinamakan sebagai *Training Management System (myTRAMS)* Fasa I telah selesai dibangunkan dengan menggunakan kepakaran dalam hasil usaha sama Pusat Teknologi Maklumat dan Jabatan Pendaftar. myTRAMS dilihat sebagai katalis penting kepada kecemerlangan pelaksanaan CPD USIM.

Objektif pelaksanaan CPD yang didukung oleh sistem myTRAMS adalah:

- Meningkatkan keberkesanan pembangunan staf melalui pengurusan latihan yang sistematik.
- Membudayakan pembelajaran sepanjang hayat.
- Menjadikan latihan sebagai teras kepada pencapaian penambahbaikan berterusan dalam sistem penyampaian.
- Merealisasikan secara terancang dan tersusun USIMKRA4: Membentuk modal insan yang inovatif dan budaya kerja yang gemilang.

Garis Panduan Pelaksanaan CPD USIM telah dibangunkan yang merangkumi dua aspek iaitu:-

- Format Terperinci Penggredan Mata CPD Staf Bukan Akademik (Gred 1-54) USIM dan Korelasinya Dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSMSA) dan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) yang menyumbang markah di Bahagian Pengetahuan dan Kemahiran, Bahagian Kegiatan dan Sumbangan di Luar Tugas Rasmi serta Bahagian Pengiktirafan dan Pencapaian.
- Format Terperinci Penggredan Mata CPD Staf Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Staf Akademik USIM Serta Korelasinya DLSMSA dan LNPT yang menyumbang markah bagi Staf Akademik di Bahagian Pengajaran dan Penyeliaan (Kriteria Usaha Ke Arah Kecemerlangan' - Menghadiri kursus dan latihan yang berkaitan).

### Faedah / Impak

Pelaksanaan CPD USIM yang di dokong oleh myTRAMS dapat memperkasakan modal insan USIM secara berterusan melalui pembelajaran sepanjang hayat atau latihan dan seterusnya dapat meningkatkan penghasilan kerja optimum yang menjurus kepada pencapaian Bidang Keberhasilan Utama USIM dan seterusnya kecemerlangan pengajian tinggi negara.





## **Program Sangkutan**

Program sangkutan adalah salah satu aktiviti pembelajaran berterusan atau latihan bagi memberi pendedahan kepada staf yang berkenaan tentang pelaksanaan bidang tugas yang hampir sama dengan tugas hakiki mereka.

### **Matlamat**

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang perkongsian amalan terbaik (*best practise sharing*) berdasarkan pengalaman dan kepakaran institusi berkaitan dan seterusnya disesuaikan untuk diamalkan di USIM.

### **Faedah / Impak**

Program ini dilihat dapat membuka ruang penambahbaikan sistem penyampaian secara berterusan dengan meneliti pelaksanaan sesuatu bidang tugas di institusi terpilih untuk dijadikan tanda aras ke arah peningkatan kompetensi di kalangan staf USIM.

## **Projek Penilaian Prestasi**

### **e-Prestasi**

e-Prestasi adalah sistem penilaian prestasi tahunan secara bersistem menggantikan pemakaian borang Laporan Nilaian Prestasi Tahunan. Maklumat pencapaian sasaran kerja tahunan di e-Sekata dimuat naik ke sistem ini bagi memudahkan penilaian tahunan dilakukan oleh Ketua Jabatan sebagai rujukan.

### **Matlamat**

Sistem ini dibina untuk mempercepat proses penilaian mengikut masa yang ditetapkan agar pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dapat dibuat. Sistem ini memudahkan Pegawai Yang Dinilai, Pegawai Penilai Pertama dan Pegawai Penilai Kedua melaksanakan proses penilaian individu kerana capaiannya adalah secara *web-based*.

### **Faedah / Impak**

Menerusi sistem ini pihak urus setia dapat membuat pemantauan status penilaian oleh penilai dan laporan markah keseluruhan dapat dijana mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Sistem e-Prestasi staf akademik dibangunkan bagi membolehkan proses penilaian prestasi bagi staf akademik USIM dibuat dengan adil, objektif dan telus. Pengukuran prestasi seseorang staf akademik adalah berdasarkan kepada pencapaian sebenar program/ aktiviti yang dijalankan pada tahun penilaian semasa. Data-data penilaian akan dijana secara automatik melalui sistem-sistem yang diintegrasikan dengan sistem e-Prestasi iaitu Sistem e-Akademik, Al-Bathiyah, Al-Aliyah, Al-Uliyah dan Munazzim.





## e-SEKATA

Sistem e-SEKATA merupakan Sistem Sasaran Kerja Tahunan (SKT) yang dibangunkan secara *web based*. Sistem ini menggantikan penggunaan borang dan pengisian secara manual.

### Matlamat

Sistem e-SEKATA dilaksanakan bertujuan untuk memudahkan staf merancang dan menerima tugas yang telah ditetapkan oleh Ketua Jabatan. Secara pelaksanaannya SKT jabatan perlu ditetapkan terlebih dahulu sebelum penentuan SKT individu dilakukan. SKT yang ditetapkan pada awal tahun perlu dianalisa pencapaianya di pertengahan tahun seterusnya digunakan sebagai rujukan untuk membuat penilaian prestasi tahunan di akhir tahun.

### Faedah / Impak

Kesemua staf boleh melihat SKT jabatan masing-masing melalui sistem ini bagi memastikan sasaran jabatan tercapai dan terlaksana. Ia juga memudahkan Ketua Jabatan untuk membuat laporan berhubung prestasi semasa jabatan dan individu selain memudahkan pihak urus setia untuk membuat pemantauan. Sistem ini boleh dicapai di mana sahaja dan pada bila-bila masa serta mempunyai kesinambungan dengan sistem e-Prestasi iaitu sistem penilaian prestasi tahunan.

## Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)

Sepanjang tahun 2010, pelaksanaan PTK Pusat Penilaian Kompetensi (PPK) telah berjaya dilaksanakan sebanyak dua kali dalam tahun 2010 dan ditawarkan kepada semua kakitangan yang telah disahkan perkhidmatan. Maklumat pelaksanaan PTK yang berkenaan adalah seperti di dalam jadual di berikut :

**Jadual 4.10: Pelaksanaan PTK PPK (Akademik) Bilangan 1 bagi Tahun 2010**

PERKARA	CALON	BIL. CALON
PTK (TK6) bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P)	Prof. Madya DS54	2
PTK (TK5) bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P)	Pensyarah Perubatan DU52 Pensyarah Universiti DS52	1 4
PTK (TK4) bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P)	Pensyarah Universiti DS45	1
PTK (TK3) bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P)	Pensyarah Universiti DS45	3
PTK (TK1) bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P)	Guru Bahasa DG41 Guru Tamhidi DG41	4 1

**Jadual 4.11: Pelaksanaan PTK PPK (Akademik) Bilangan 2 bagi Tahun 2010**

PERKARA	CALON	BIL. CALON
PTK (TK5) bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P)	Pensyarah Universiti DS52	5
PTK (TK3) bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P)	Pensyarah Perubatan DU45 Pensyarah Universiti DS45	2 8
PTK (TK1) bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P)	Guru Bahasa DG41 Guru Tamhidi DG41	1 2



#### **Jadual 4.12: Pelaksanaan PTK PPK (Pentadbiran) Bilangan 1 bagi Tahun 2010**

PERKARA	CALON	BIL. CALON
PTK (Pentadbiran) 2010	PTK Gred 48 (TK4) bagi kumpulan P&P PTK Gred 41 (TK1, TK2, TK3) bagi kumpulan P&P PTK Gred 46 PTK Kumpulan Sokongan 1 (Gred 17-26) PTK Kumpulan 1 (Gred 27-40) PTK Urus setia Gred 41 PTK Urus setia (Gred 17-26)	2 22 3 16 11 1 1
PTK Bil.1/2010	Kumpulan Sokongan II (Gred 1-16)	8
PTK Bil. 2/2010	Kumpulan Sokongan II (Gred 1-16)	6

#### **Jadual 4.13: Pelaksanaan PTK PPK (Pentadbiran) Bilangan 2 bagi Tahun 2010**

PERKARA	CALON	ANJURAN	TARIKH	BIL. CALON
PTK Bil. 2/2010	Kumpulan Sokongan II (Gred 1-16)	USIM	20-24 Disember 2010	6

#### **Peperiksaan Perkhidmatan**

Sebanyak dua sesi peperiksaan perkhidmatan telah diadakan pada tahun 2010 yang melibatkan kakitangan Universiti dari pelbagai jawatan. Maklumat perlaksanaan peperiksaan adalah seperti di jadual berikut :

#### **Jadual 4.14: Pelaksanaan Peperiksaan Perkhidmatan Tahun 2010**

PERKARA	CALON	ANJURAN	TARIKH	BIL. CALON
Bil.1/2010	P&P dan Sokongan 1 (Gred 27-40) Sokongan I (Gred 17-26) Sokongan II (Gred 1-16)	USIM	24-26 Mei 2010	7 5 9
Bil.2/2010	P&P dan Sokongan 1 (Gred 27-40) Sokongan I (Gred 17-26)		8-10 November 2010	1 2

#### **Peperiksaan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK)**


Seramai lima orang calon yang terdiri daripada Pembantu Akauntan Jabatan Bendahari mengikuti peperiksaan ini untuk mendapatkan sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara. Peperiksaan tersebut telah diadakan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada 9 Disember 2010.



## Data Bilangan Staf Bagi Kenaikan Pangkat, Status Jawatan dan Staf Antarabangsa

### Kenaikan Pangkat

Rajah 4.2: Bilangan Staf bagi Kenaikan Pangkat




Jadual 4.15: Bilangan Staf bagi Kenaikan Pangkat

KENAIKAN PANGKAT	BILANGAN STAF
Staf Akademik	31
Staf Pentadbiran	14
<b>JUMLAH</b>	<b>45</b>

### Status Jawatan

Rajah 4.3: Bilangan Staf Mengikut Status Jawatan



Jadual 4.16: Bilangan Staf Mengikut Status Jawatan

STATUS JAWATAN	BILANGAN STAF
Tetap	879
Kontrak	250
Sementara	112
<b>JUMLAH</b>	<b>1,241</b>



## Staf Antarabangsa di USIM

**Jadual 4.17: Bilangan Staf Antarabangsa di USIM**

NEGARA	BILANGAN
Mesir	8
Iraq	5
Indonesia	7
Sudan	3
Syria	1
Filipina	1
Uganda	1
Ivory Coast	1
Nigeria	1
Eritrea	1
Bangladesh	1
Libya	1
Myanmar	1
Afghanistan	1
Morocco	1
Thailand	1
<b>JUMLAH</b>	<b>35</b>

## KEMUDAHAN KEBAJIKAN KEPADA KAKITANGAN

Antara kemudahan kebaikan yang diberikan kepada kakitangan USIM adalah:

### Taska USIM

Taska Nur Umairah yang merupakan Taska USIM telah memberikan perkhidmatan kepada 51 orang kanak-kanak di dua buah bangunan yang disediakan sehingga 31 Disember 2010 lalu. Taska ini diuruskan oleh Pengusaha Taska USIM dan dibantu oleh sembilan orang pekerja/pengasuh tetap berdasarkan penetapan nisbah jagaan pengasuh dan kanak-kanak oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).



Selain program pengasuhan, taska ini juga melaksanakan program di peringkat keibubapaan, program kerohanian dan Majlis Graduasi. USIM turut memberi subsidi dengan pengecualian bayaran seorang anak bagi tiga orang anak yang ditempatkan di taska ini. Pengurusan Taska USIM ini diselaraskan dengan bantuan Badan Kebajikan Kakitangan USIM (BKKUSIM) selaku Jawatankuasa Pelaksana yang berfungsi untuk membantu memudahkan segala urusan berkaitan operasi pengurusan taska.

## Perubatan

USIM mempunyai 70 buah Klinik Panel yang kebanyakannya beroperasi di sekitar Nilai, Pandan Indah, Bangi dan Seremban dan empat buah daripadanya turut memberikan perkhidmatan kepada pelajar.

Mulai Jun 2010, USIM telah menubuhkan Pusat Hemodialisis yang ditempatkan di bawah kawal selia Unit Kesihatan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan memberikan perkhidmatan rawatan dialisis kepada dua orang pesakit yang merupakan staf serta tanggungan staf USIM.

Sehingga Disember 2010, USIM telah membelanjakan sebanyak RM1,025,612.37 bagi kemudahan perubatan staf dan sebanyak RM312,632.90 bagi kemudahan perubatan pelajar USIM.





# **USIM KRA 5**

## **MENCAPAI TAHAP KEBEBASAN KEWANGAN**



## MENCAPAI TAHAP KEBEBASAN KEWANGAN

KPT telah merangka PSPTN yang melibatkan semua IPTA. Antara inti pati dalam PSPTN ialah menyarankan dan menggalakkan IPTA berusaha untuk menjana sekurang-kurangnya 30% pendapatan sendiri melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh IPTA. Saranan ini untuk menggalakkan IPTA agar tidak terlalu bergantung harap kepada dana yang diperuntukkan oleh kerajaan semata-mata tanpa ada usaha untuk meningkatkan keupayaan berdikari.

IPTA diseru agar menggunakan sepenuhnya bidang kepakaran dan kemudahan yang dimiliki bagi melaksanakan penjanaan pendapatan sama ada melalui kepakaran dalaman mahupun dari luar bagi menyediakan khidmat dan kemudahan kepada masyarakat, syarikat-syarikat swasta dan kerajaan serta menghasilkan produk-produk baru bagi kegunaan pasaran.

USIM menyambut baik saranan KPT untuk mencapai tahap kebebasan kewangan melalui beberapa strategi yang telah dirangka.

### PENINGKATAN SUMBER KEWANGAN

Sumber kewangan USIM perlu ditingkatkan kepada 30% daripada bajet tahunan. Bagi memastikan strategi tersebut tercapai pelbagai aktiviti dilakukan bagi memenuhi keperluan 30% daripada bajet tahunan USIM. Melalui aktiviti penjanaan berterusan dijangkakan USIM akan dapat meningkatkan sumber kewangannya. Aktiviti-aktiviti penjanaan yang dijalankan ialah seperti penjanaan melalui yuran pelajar, geran penyelidikan, khidmat perundingan dan kepakaran, kursus/latihan/francais, penerbitan buku, pengkomersilan hasil penyelidikan dan alumni serta mendapatkan sumber-sumber daripada penajaan/zakat/endowment daripada syarikat-syarikat kerajaan ataupun syarikat swasta.





### Jadual 5.1: Penjanaan Pendapatan USIM 2010

PROJEK/AKTIVITI UTAMA	PENCAPAIAN (RM)	PROGRAM/AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN
Penjanaan Pendapatan Melalui Yuran Pengajian	8,807,929.33	Yuran Pengajian Sarjana Yuran Pengajian PhD Yuran Pengajian Diploma Yuran Pengajian Sijil Yuran Pendaftaran Yuran Pendaftaran Tamhidi Yuran Pendaftaran Ijazah Yuran Pendaftaran Sarjana Yuran Pendaftaran PhD Yuran Pendaftaran Diploma Yuran-Insurans Pelajar Yuran Skim Perkhidmatan Yuran Peperiksaan Yuran Peperiksaan Sarjana Yuran Peperiksaan PhD Elaun Sara Hidup-Tamhidi Pelbagai Yuran Lain-lain Perkhidmatan Yuran Antarabangsa Kad matrik
Penjanaan Melalui Geran Penyelidikan	615,340.00	Geran penyelidikan yang diperoleh oleh USIM
Penjanaan Melalui Kerja Perundingan/Royalti	206,100.00	Francais Program pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda FPQS dengan Darul Quran JAKIM
Penjanaan Melalui Perlaksanaan Kursus/Latihan	97,700.00	Kursus Sijil Pengurusan Haji Petugas/Pengelola Jemaah Kursus Sijil Pembimbng Ibadat Haji (SPIH)-Modul 1 Kursus Sijil Pembimbng Ibadat Haji (SPIH)-Modul 2 Kursus Sijil Bahasa Arab Komunikasi Kursus Sijil Talaqi Al-Quran Kursus Switching and Modern Communication System



## Laporan Tahunan 2010 Universiti Sains Islam Malaysia

PROJEK/AKTIVITI UTAMA	PENCAPAIAN (RM)	PROGRAM/AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN
Penjanaan Melalui Pelaburan/ Hibah/Faedah	182,802.79	Hibah Akaun Semasa - Pengurusan
		Hibah Akaun Semasa - Pembangunan
		Faedah Pinjaman Komputer
		Faedah Pinjaman Kenderaan
		Hibah Insurans
Penjanaan Melalui Penerbitan	245,177.36	Pendapatan melalui penjualan buku-buku yang dihasilkan oleh kakitangan akademik USIM bagi meningkatkan penjualan bahan-bahan penerbitan.
Penjanaan Melalui Pengkomersilan	Tiada	Pengkomersilan produk penyelidikan tidak dapat memberikan sumbangan kepada pendapatan USIM pada tahun 2010. Walau bagaimanapun usaha-usaha mempromosikan hasil penyelidikan sedang giat dilakukan pada tahun 2011
Penjanaan Melalui Yuran Penginapan	4,011,817.38	Yuran Asrama/Penginapan
Penjanaan Melalui Keuntungan Simpanan Tetap	542,461.05	Hibah Simpanan Tetap-Mengurus Hibah Simpanan Tetap-Pembangunan Hibah Simpanan Tetap-KW Pendapatan
Penjanaan Melalui Sumbangan/ Endowment/Zakat/Sedekah	892,673.32	Pendapatan yang tinggi ini adalah melalui sumbangan syarikat-syarikat kerajaan dan juga swasta
Penjanaan Melalui Alumni	549,929.56	Yuran Keahlian serta Sumbangan
Penjanaan Melalui Sewaan	111,075.38	Sewa Asrama Pelajar Sewa Dewan Kuliah Sewa Pelbagai
<b>JUMLAH</b>	<b>16,263,006.17</b>	<b>Jumlah Hasil Pendapatan pada tahun 2010</b>

## DASAR PENJIMATAN

USIM telah melaksanakan langkah-langkah penjimatan bagi tujuan mengurangkan perbelanjaan dan mengelakkan pembaziran. Langkah penjimatan yang dilaksanakan meliputi semua PTJ di USIM terutamanya dalam perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan serta penggunaan tenaga elektrik. Beberapa usaha telah dilaksanakan oleh pihak USIM untuk menjayakan dasar penjimatan ini melalui kempen kesedaran pengguna dan penguatkuasaan larangan pembaziran. Ini dapat dilihat daripada rekod perbelanjaan tahun 2010 berbanding tahun 2009.



### Jadual 5.2 : Hasil Penjimatan USIM 2010

PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	2010 RM	2009 RM	VARIANS	%
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara hidup	1,520,800	1,669,480	148,681	8.91%
Perhubungan dan Utiliti	7,496,818	7,729,011	232,192	3.00%
Sewaan	9,515,594	12,095,167	2,579,573	21.33%
Bekalan dan Bahan-bahan Lain	7,718,158	13,522,580	5,804,422	42.92%
Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil Yang Dibeli	5,303,800	5,922,970	619,170	10.45%
Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan dan Hospitaliti	14,069,064	15,128,803	1,059,740	7.00%

Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup berkurangan sebanyak RM148,681 (8.91%) berbanding tahun 2009. Perbelanjaan Perhubungan dan Utiliti menunjukkan penurunan sebanyak RM232,129 (3.0%) berbanding tahun 2009. Secara terperincinya, belanja utiliti elektrik merekodkan penurunan sebanyak RM6,417,916 tahun 2010 berbanding RM 6,008,631 tahun 2009. Ia merupakan penjimatan sebanyak RM 409,285 (6.38%). Penjimatan ini adalah hasil daripada kempen kesedaran yang dilaksanakan oleh USIM. Selain daripada itu, perbelanjaan untuk sewaan menunjukkan penurunan sebanyak RM 2,579,573 (21.33%). Walau bagaimanapun, perbelanjaan bekalan dan bahan-bahan lain menunjukkan penurunan yang sangat ketara iaitu RM 5,804,422 (42.92%).

## PEMASARAN DAN PENGKOMERSIALAN

Pemasaran dan pengkomersialan merupakan aktiviti yang utama bagi meningkatkan penjanaan pendapatan. Sehubungan itu, USIM telah mengadakan hubungan dengan beberapa syarikat bagi mencapai matlamat tersebut seperti mengadakan hubungan melalui perjanjian persefahaman bersama Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur (DPMMKL), Syarikat ENVOGREEN Sdn. Bhd, Nutramedica Laboratories Sdn. Bhd. dan beberapa syarikat yang lain.

Bagi memenuhi keperluan ini juga, Pusat Hubungan Industri dan Pengkomersialan (PHIP) telah mengadakan perbincangan dengan pihak Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) berkaitan penawaran kursus di peringkat sijil iaitu Kursus Sijil Bahasa Arab Komunikasi, Sijil Talaqi al-Quran dan Sijil Pengurusan Kewangan Masjid yang akan dilaksanakan pada tahun 2011. Dengan adanya kerjasama ini dijangkakan dapat memberi pulangan yang baik kepada USIM dan juga kepada MAINS.

Pengkomersilan hasil penyelidikan tidak dapat dilaksanakan kerana kebanyakan penyelidikan masih di peringkat kajian. Walau bagaimanapun usaha untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan sedia ada sedang giat diusahakan.



## HUBUNGAN STRATEGIK

Pelbagai program telah dilaksanakan oleh pihak PHIP dalam usaha menggerakkan hubungan strategik USIM dengan pihak industri melalui jalinan kerjasama melalui Memorandum Persefahaman (MoU). Hal ini dapat dilihat menerusi beberapa lawatan dan perbincangan yang telah diadakan dengan pihak industri. Lawatan-perbincangan ini telah menjadi langkah pertama USIM bagi menjalankan kerjasama yang lebih spesifik melalui perjanjian MoU, MoA dan perkongsian kepakaran. Lawatan-lawatan perbincangan ini juga telah berjaya membawa hasil dalam misi USIM untuk mencari penempatan bagi pelajar-pelajar dan kakitangan-kakitangan USIM menjalani Latihan Industri atau Latihan Sabatikal di syarikat-syarikat industri mahupun badan kerajaan selain mampu mengurangkan kos pentadbiran USIM bagi mencari pihak industri lain.



### Jadual 5.3: Hubungan Industri dan Perjanjian Persefahaman (MoU/MoA)

BIL.	PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	PROGRAM YANG DILAKUKAN	PENCAPAIAN / IMPAK
1.	Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur	Lawatan & Perbincangan Industri	Penempatan latihan industri pelajar dan staf di syarikat-syarikat berdaftar di bawah keahlian DPM KL.
2.	Agensi Nuklear Malaysia, Bangi	Lawatan & Perbincangan Industri	Mengetahui costing method dalam kerja-kerja perundingan.
3.	Pusat Inovasi Kolaboratif UKM, Bangi	Lawatan & Perbincangan Industri	Mengetahui prosedur pengurusan harta intelek.
4.	Malaysia Airports Sepang Bhd.	Lawatan & Perbincangan Industri	Penyambungan MoA untuk Program Duta Kecil.
5.	Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya	Lawatan & Perbincangan Industri	Perbincangan mengadakan MoA untuk menggunakan fasiliti KKM bagi tujuan Latihan Industri pelajar Bio-Teknologi Makanan FST.
6.	Nutramedica Laboratories Sdn. Bhd	Perjanjian MoA - 27 April 2010	The Licensor experience in the research and development of products and technology
7.	Envogreen Sdn. Berhad	Perjanjian MoU - 4 Mei 2010	Membangunkan pack test kit untuk mengetahui unsur khinzir dalam makaman.
8.	International Centre For Education In Islamic Finance (INCIEF)	Perjanjian MoU - 27 Mei 2010	Mengetahui sistem perbankan Islam dengan lebih mendalam.
9.	International Shari'ah Research Academy (ISRA)	Perjanjian MoU - 19 Julai 2010	Meningkatkan kerjasama dalam bidang penyelidikan dengan INFAD.
10.	Taibah University Madinah, Arab Saudi.	Perjanjian MoU - 23 Julai 2010	Penempatan latihan industri pelajar dan staf di samping telah menubuhkan AJK bersama USIM-DPMMKL.
11.	Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Kuala Lumpur (DPMM)	Perjanjian MoU - 11 November 2010	Penempatan latihan industri pelajar dan kakitangan Kerjasama Penyelidikan, seminar dan perkongsian ilmu
12.	SME Corp Malaysia.	Perjanjian MoA - 11 November 2010	Program SME-Internship berjaya dilaksanakan dengan jayanya dengan menjadikan pelajar USIM sebagai jururunding muda di 5 syarikat SME Corp.



BIL.	PERKHIDMATAN DAN BEKALAN DILAKUKAN	PROGRAM YANG DILAKUKAN	PENCAPAIAN / IMPAK
			13. University Of Bangor Wales, Wales U.K. Perjanjian MoU - 29 November 2010
13.	University Of Bangor Wales, Wales U.K. Perjanjian MoU - 29 November 2010	Pertukaran pelajar dan kakitangan Kerjasama penyelidikan Pertukaran jam kredit	Pengajaran dan pembelajaran Program Ijazah Sarjana Muda al-Quran dan Sunnah USIM telah berjalan dengan lancar di Darul Quran.
14.	Darul Quran, JAKIM Perjanjian MoA - 3 Disember 2010		Jalinan kerjasama dalam bidang perbankan dan muamalat.
15.	Bank Muamalat Malaysia Bhd. Perjanjian MoU - 13 Disember 2010		



# **USIM KRA 6**

## **MENGAMALKAN SISTEM PENTADBIRAN YANG CEKAP, BERKESAN DAN BERINTEGRITI**



## MENGAMALKAN SISTEM PENTADBIRAN YANG CEKAP, BERKESAN DAN BERINTEGRITI

Sistem pentadbiran yang cekap, berkesan dan berintegriti penting bagi menaikkan sistem pendidikan supaya USIM berdaya saing dan berdaya tahan pada masa hadapan. Bagi menjayakan amalan pentadbiran tersebut, USIM telah merancang strategi-strategi yang sesuai dalam memastikan sistem tadbir urus yang lengkap dan telus, mewujudkan imej universiti yang berwibawa, penggunaan ICT dalam semua urusan dengan pelanggan serta memastikan kepuasan pelanggan yang maksimum.

Bagi memastikan objektif dalam USIM KRA6 dapat dicapai, maka terdapat empat Program Agenda Kritis (CAP) yang telah digariskan untuk dilaksanakan iaitu Academia, Governan, Automasi Sistem Penyampaian Perkhidmatan Melalui ICT dan Integriti dan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan.

### MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN DAN INOVASI USIM TAHUN 2009

Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi USIM Tahun 2009 telah diadakan pada Mei 2010 dan telah dirasmikan oleh Pengurus LPU. Seramai 94 orang kakitangan USIM dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang manakala seramai 61 orang pula menerima Anugerah Terpuji. Selain itu sebanyak 10 Kategori Anugerah Khas telah disampaikan seperti Anugerah Sumbangsih, Anugerah Khidmat Masyarakat, Anugerah Kualiti Naib Canselor dan Anugerah Pengurusan Maklumat. Majlis tersebut diadakan bersempena sambutan Minggu Kualiti dan Inovasi Peringkat Universiti yang turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti yang melibatkan seluruh warga kampus. Uniknya pada tahun ini, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Istimewa telah diberikan kepada tiga orang penerima iaitu Y.Bhg. Prof. Dr. Bachok M.Taib (Profesor Gred VK7), Encik Bakin Dollah (Pembantu Keselamatan Gred KP17) dan Puan Rokiah Nawi (Setiausaha Pejabat Gred N27). Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Istimewa menerima hadiah tambahan berupa pakej umrah. Pada majlis tersebut turut diadakan pelancaran USIMOnline yang merupakan laman web televisyen interaktif yang menyalurkan pelbagai maklumat dan program universiti untuk semua pelajar dan kakitangan USIM. Laman web tersebut mengandungi lima segmen iaitu Buletin, Wawancara, Santapan Rohani, USIM Web TV dan Biar Buku Bicara.





Selain itu, turut diadakan penyerahan sijil MS ISO 9001:2008 dan MS 1900:2005 (Sistem Pengurusan Kualiti Mengikut Perspektif Islam) kepada Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti. Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti (JPPF) telah berjaya memperoleh pengiktirafan pensijilan daripada pihak SIRIM berkuat kuasa mulai 26 Mac 2010 dalam ISO 9001:2008 Penyediaan Khidmat Perancangan dan Pengurusan Projek Fizikal dan MS 1900:2005 Penyediaan Khidmat Perancangan dan Pengurusan Projek Fizikal Mengikut Perspektif Islam. Pengiktirafan ini menjadikan USIM sebagai universiti yang pertama berjaya menerima pensijilan tersebut.

## **PENUBUHAN JAWATANKUASA KEUTUHAN TADBIR URUS (JKKTU) PERINGKAT USIM**

Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) Bil. 24/2010 telah meluluskan penubuhan JKKTU pada Julai 2010 berdasarkan arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009 berkaitan Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKKTU). Antara objektifnya adalah untuk memastikan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan adalah berlandaskan kepada pentadbiran yang berintegriti, tadbir urus terbaik dan tiada karenah birokrasi. Pada masa yang sama hendaklah terhindar dari kelemahan pentadbiran serta gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa, menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan yang mesra pelanggan, berintegriti dan berupaya memenuhi kepuasan hati pelanggan dan mewujudkan persekitaran Perkhidmatan Awam yang berdaya saing selaras dengan kehendak pemilik taruh (stakeholders).





## PENSTRUKTURAN SEMULA ORGANISASI USIM

Penajaran dan penstruktur semula organisasi telah dilakukan secara menyeluruh sebagaimana yang dicetuskan oleh Naib Canselor pada Januari 2010 seperti di Jadual 6.1. Untuk itu, pusat-pusat tanggungjawab telah dikelaskan mengikut kluster yang bertepatan dengan tujuan KRA Universiti. Bagi menyemarakkan aktiviti penyelidikan, meningkatkan daya inovasi serta mengukuhkan hubungan universiti dengan rakan industri dan seterusnya mengembangkan aktiviti pengkomersialan, Pengurusan Universiti telah mewujudkan jawatan Dekan Penyelidikan dan Inovasi dengan pelantikan pertama bermula pada 10 Februari 2010. Walaupun tidak mendapat peruntukan jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), cadangan USIM mewujudkan jawatan Dekan tersebut telah diluluskan serta mendapat sokongan kuat daripada Kementerian Pengajian Tinggi.



### Jadual 6.1: Jajaran Dan Penstrukturran Semula Organisasi

PORTFOLIO	KETUA	KLUSTER	PTJ	CATATAN
Hal Ehwal Akademik	Timbalan Naib Canselor (A&A)	Pusat Sokongan dan Khidmat Akademik	Bahagian Pengajian PraSiswaZah Pusat Pengajian SiswaZah	Jajaran semula daripada Bahagian Akademik
		Fakulti dan Pusat Pembelajaran	Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Fakulti Syariah dan Undang-undang Fakulti Ekonomi dan Muamalat Fakulti Sains dan Teknologi Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Fakulti Pengajian Bahasa Utama Fakulti Pergigian Pusat Tamnidii	
		Pusat Kecemerlangan Akademik	Pusat Pengajaran Teras dan Antarabangsa Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah	Jajaran semula daripada Pusat Pengajaran Umum Jajaran semula daripada Pusat Perkembangan Akademik Jajaran semula daripada Pusat Ko-Kurikulum
Hal Ehwal Pelajar dan Alumni	Timbalan Naib Canselor (HEPA)		Bahagian Hal Ehwal Pelajar Pusat Sukan	
Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi	Dekan (Penyelidikan dan Inovasi)	Pusat Kecemerlangan Penyelidikan	Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam Institut Penyelidikan dan Pengurusan Hal Akademi Permata Insan Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia Pusat Pengurusan Penyelidikan	PTJ baru PTJ baru PTJ baru PTJ baru PTJ baru
			Pusat Hubungan Industri dan Pengkomersialan	Jajaran semula daripada Pusat Perkembangan Strategik dan Hubungan Korporat
			Unit Penerbitan	
		Jabatan Canselor	Pejabat Naib Canselor Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti Unit Komunikasi Korporat Pusat Teknologi Maklumat Unit Audit Dalam	Jajaran semula daripada Pusat Hubungan Industri dan Khidmat



## AUDIT PENSIJILAN MS ISO 9001:2000 KE PENSIJILAN MS ISO 9001:2008

Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Perpustakaan dan Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti telah berjaya mendapatkan pensijilan MS ISO 9001:2008 setelah menempuh Audit Pensijilan Peringkat Pertama pada tahun 2009 dan Audit Pensijilan Peringkat kedua pada 2010. Bagi Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti Audit Pensijilan Peringkat Kedua telah diadakan pada Disember 2009. Audit yang diadakan secara berasingan dan berpecah mengikut skop ini telah berjaya ditempuhi dengan baik. Seterusnya PTJ tersebut telah berjaya mendapat pensijilan ISO seperti berikut :

**Jadual 6.2: Senarai PTJ yang Berjaya Memperoleh Sijil ISO**

BIL.	PTJ/SKOP ISO	NO. PERSIJILAN SIRIM	TARIKH PENSIJILAN
1.	Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti -Penyediaan Khidmat Perancangan dan Pengurusan Projek Fizikal -Penyediaan Khidmat Perancangan dan Pengurusan Projek Fizikal Mengikut Perspektif Islam	AR 5249 AR 5147	26 Mac 2010 – 25 Mac 2013
2.	Jabatan Perpustakaan -Perkhidmatan Perpustakaan yang Merangkumi Penyediaan dan Penyebaran Bahan-bahan Maklumat	AR 5249	13 Ogos 2010 – 12 Ogos 2013
3.	Jabatan Bendahari -Pengurusan Kewangan yang Merangkumi Perancangan Belanjawan, Perolehan (Bekalan dan Perkhidmatan), Pembayaran dan Terimaan Hasil	AR 5285	15 Oktober 2010 – 14 Oktober 2013
4.	Bahagian Hal Ehwal Pelajar -Penyediaan Perkhidmatan dan Kebajikan Pelajar	AR 5315	3 Disember 2010 – 2 Disember 2013
5.	Jabatan Pendaftar -Pengurusan Sumber Manusia Meliputi Proses Perancangan, Pengambilan dan Pembangunan Sehingga Persaraan	AR 5384	28 Januari 2011 – 27 Januari 2014

USIM juga telah berjaya mendapatkan pensijilan semula MS ISO 9001:2008 (AR 3454) bagi Pengajaran dan Pembelajaran melalui skop Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan di Peringkat Sarjana Muda Meliputi Rekabentuk dan Pembangunan Kurikulum Program.





Beberapa program telah dianjurkan oleh Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PPPKPK) untuk meningkatkan lagi pemahaman dan amalan Sistem Pengurusan Kualiti di USIM serta meningkatkan amalan budaya kualiti di tempat kerja. Bagi aplikasi Program 5S, USIM telah menerima lawatan 5S daripada Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) Negeri Sembilan. USIM turut menganjurkan Minggu Kualiti dan Inovasi pada 7 hingga 15 Jun 2010. Terdapat pelbagai program yang diatur dalam minggu tersebut seperti Pameran Inovasi, Bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Pertandingan 5S dan Kaunter Terbaik, Ceramah Kualiti, Skuad Q dan kemuncaknya Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi.

Pada 30 Disember 2010, USIM telah menganjurkan Konvensyen KIK. Terdapat lima kumpulan yang bertanding di dalam konvensyen tersebut. Dalam majlis yang sama, Encik Hamzah bin Abdullah, Pegawai dari MAMPU telah menyampaikan ceramah yang bertajuk "Pengukuhan Budaya Inovasi dalam Perkhidmatan Awam". Butiran pemenang Konvensyen KIK USIM Tahun 2010 adalah seperti berikut:

### **Jadual 6.3. Senarai Pemenang Konvensyen KIK USIM**

TEMPAT	NAMA KUMPULAN	JABATAN	TAJUK KIK
Pertama	Vitalize	Perpustakaan	Mempercepatkan Penyediaan Statistik Proses Perolehan dan Pengkatalogan Bahan Perpustakaan
Kedua	Joint	Pusat Teknologi Maklumat	Pengurangan Kos Pengurusan Katalaluan eWADI Pelajar Baru
Ketiga	iForce	Pendaftar	Penyalahgunaan Telefon Talian Tetap Untuk Urusan Peribadi

Kumpulan Vitalize dan Kumpulan Joint telah dipilih bagi mewakili USIM ke Konvensyen KIK peringkat Institut Pengajian Tinggi Awam yang diadakan di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 1 hingga 3 Mac 2011.





## LAPORAN ANALISA KEPUASAN PELANGGAN SESI AKADEMIK 2010/2011

Dalam mengukur pencapaian piagam yang telah digariskan, beberapa sumber telah dikenal pasti sama ada sumber tersebut datangnya dari dalam atau luar USIM. Maklumat-maklumat ini terdiri dari pelbagai bentuk maklumat seperti sistem-sistem yang digunakan, soal kaji selidik dan pengiktirafan yang diterima dari agensi-agensi luar.

### Sistem e-Nilai

Sistem e-Nilai digunakan bagi mengukur kepuasan para pelajar terhadap kakitangan akademik. Soal selidik ini dilakukan pada setiap semester selepas tamat sesi perkuliahan dan sebelum peperiksaan dijalankan. Dari soal selidik yang dilaksanakan menunjukkan pencapaian 99.27% kakitangan akademik di USIM memperoleh Gred A dan Gred B iaitu skor penilaian 70% ke atas. Peratusan yang besar ini secara tidak langsung membuktikan tahap kepuasan yang tinggi oleh para pelajar terhadap proses pembelajaran dan pengajaran di USIM.

### SETARA

Sistem Penarafan Institut Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) MQA ialah sistem yang mengukur kualiti pengajaran dan pembelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda bagi universiti dan kolej universiti. Dalam memberikan khidmat terbaik kepada pelanggannya, USIM telah diberikan penarafan SETARA '09 pada tahap 4 iaitu sangat baik.

Laporan Analisa Kepuasan Pelajar Terhadap Perkhidmatan Sokongan Kepada Aktiviti Pengurusan dan Pembelajaran

Data bagi analisa ini diperoleh dari soal selidik terhadap pelajar yang bergraduat pada tahun 2010. Laporan analisa kepuasan pelajar secara keseluruhan ditunjukkan dalam bentuk jadual seperti di bawah:



**Jadual 6.4: Tahap Perkhidmatan dan Layanan**

LAYANAN YANG DIBERIKAN OLEH STAF	PERLU DIPERBAIKI SEGERA (%)	PERLU DIBERI PERHATIAN (%)	BOLEH DIPERTING-KATKAN (%)	MENEPATI KEPERLUAN (%)	CEMERLANG (%)
Pentadbiran dan di Pejabat Fakulti	1.1	9.7	36.8	38.7	13.7
Akademik	0	1.8	16.8	54.5	26.9
Bahagian Pengajian Prasiswazah	2.6	8.2	36.3	46.3	66
Bahagian Hal Ehwal Pelajar	2.9	7.6	39.7	42.6	7.1
Jabatan Perpustakaan	1.6	7.1	38.9	42.4	10
Bendahari	8.7	18.4	39.2	28.9	4.7
Asrama	4.2	12.4	45.5	32.4	5.5
Pusat Teknologi Maklumat	2.4	4.2	41.8	44.2	7.4
Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti	1.1	6.1	44.5	42.6	5.8
Pengawal Keselamatan	3.7	6.1	32.9	45.0	12.4

**Jadual 6.5: Tahap Sokongan dan Bantuan Staf USIM dalam Pelaksanaan Aktiviti-aktiviti Pelajar**

TAHAP SOKONGAN DAN BANTUAN STAF DI	PERLU DIPERBAIKI SEGERA (%)	PERLU DIBERI PERHATIAN (%)	BOLEH DIPERTING-KATKAN (%)	MENEPATI KEPERLUAN (%)	CEMERLANG (%)
Pejabat Fakulti	1.1	8.4	30.0	44.7	15.8
Akademik	0.8	2.1	20.0	48.9	28.2
Bahagian Pengajian Prasiswazah	1.3	5.8	33.7	49.7	9.5
Bahagian Hal Ehwal Pelajar	1.1	7.1	36.1	45.8	10.0
Jabatan Perpustakaan	0.8	7.6	34.2	49.5	7.9
Asrama	3.7	7.4	40.8	40.8	7.5



**Jadual 6.6: Tahap Perkhidmatan Pengangkutan Kepada Pelajar**

PERKARA	PERLU DIPERBAIKI SEGERA (%)	PERLU DIBERI PERHATIAN (%)	BOLEH DIPERTING-KATKAN (%)	MENEPAKI KEPERLUAN (%)	CEMERLANG (%)
Ketepatan Masa	7.9	26.1	43.9	20.5	1.6
Jumlah Kekerapan Perjalanan	6.8	26.1	42.9	21.8	2.4
Kebersihan Kenderaan	0.8	11.6	37.6	41.3	8.8
Keselamatan Kenderaan	1.3	11.8	42.4	38.4	6.1
Maklumat Perjalanan	5.5	19.7	42.9	27.6	4.2
Komunikasi Pemandu	3.7	10.3	41.1	35.8	9.2

**Jadual 6.7: Penyediaan Kemudahan Penginapan di Kolej Kediaman**

TAHAP KEMUDAHAN	PERLU DIPERBAIKI SEGERA (%)	PERLU DIBERI PERHATIAN (%)	BOLEH DIPERTING-KATKAN (%)	MENEPAKI KEPERLUAN (%)	CEMERLANG (%)
Tempat Tidur – Katil, Tilam dan Bantal	0.3	5.8	26.8	48.9	18.2
Ruang Belajar – Meja dan Kerusi	0.5	2.6	30.8	48.2	17.9
Almari Baju dan Laci Barang	1.1	7.6	23.7	48.4	19.2
Ruang Mandi dan Tandas	1.1	10.5	36.3	41.3	10.8
Ruang Mencuci Pakaian dan Ampaian	3.7	19.2	40.5	29.2	7.4
Kawalan Keselamatan	5.3	17.9	37.6	31.8	7.4
Surau	2.9	12.1	38.2	38.2	8.7

**Jadual 6.8: Hebahan Maklumat kepada Pelajar**

INFO DARIPADA	PERLU DIPERBAIKI SEGERA (%)	PERLU DIBERI PERHATIAN (%)	BOLEH DIPERTING-KATKAN (%)	MENEPAKI KEPERLUAN (%)	CEMERLANG (%)
Fakulti	1.1	5.0	35.8	47.6	10.5
Bahagian Pengajian Prasiswazah	1.1	9.2	41.1	40.8	7.9
Bahagian Hal Ehwal Pelajar	1.3	6.8	40.0	42.9	9.0
Jabatan Perpustakaan	0.8	8.9	47.6	35.3	7.4
Asrama	1.8	8.7	38.7	42.9	7.9
Bahagian Keselamatan	3.2	8.2	45	37.1	6.6
Laman Web USIM	1.1	2.6	23.9	47.9	24.5

**Jadual 6.9: Keberkesanan Penganjuran Aktiviti/ Program/ Bengkel/ Latihan Anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar**

PROGRAM	PERLU DIPERBAIKI SEGERA (%)	PERLU DIBERI PERHATIAN (%)	BOLEH DIPERTING-KATKAN (%)	MENEPAKI KEPERLUAN (%)	CEMERLANG (%)
Pembangunan Sahsiah/Kepimpinan	0.3	3.4	38.7	49.5	8.2
Kebudayaan	0	5.3	37.4	48.4	8.9
Sukan	0	4.7	37.6	49.2	8.4
Kaunseling	0	5.0	41.1	43.9	10
Keusahawanan	0.8	5.3	34.2	46.8	12.9
Pembangunan Akademik	0.3	5.0	34.7	48.4	11.6
Pembangunan Sahsiah	0.3	5.8	35.0	47.4	11.6



**Jadual 6.10: Perkhidmatan Bimbingan, Panduan Kewangan, Rawatan dan Peralatan**

PERKHIDMATAN	PERLU DIPERBAIKI SEGERA (%)	PERLU DIBERI PERHATIAN (%)	BOLEH DIPERTING-KATKAN (%)	MENEPATI KEPERLUAN (%)	CEMERLANG (%)
Rawatan pesakit luar kecemasan	0.8	6.8	42.4	43.9	6.1
Bimbingan oleh Kaunselor	0.5	7.4	40.8	43.9	7.4
Pengurusan dan nasihat kewangan/ penajaan (biasiswa/pinjaman)	2.6	9.7	44.7	37.4	5.5
Bantuan peralatan dan kemudahan untuk aktiviti pelajar	2.6	8.9	43.2	39.5	5.8

**Jadual 6.11: Persekutaran Dewan Kuliah, Bilik Kuliah dan Bilik Tutorial**

PERKARA	PERLU DIPERBAIKI SEGERA (%)	PERLU DIBERI PERHATIAN (%)	BOLEH DIPERTING-KATKAN (%)	MENEPATI KEPERLUAN (%)	CEMERLANG (%)
Kerusi dan meja yang mencukupi dan sesuai digunakan	2.1	6.6	28.9	48.9	15.3
Alat bantuan mengajar mencukupi dan berfungsi	1.6	5.0	33.9	45.5	13.9
Kebersihan	0.5	8.4	30.8	46.6	13.7
Bantuan daripada penyelia dewan dan bilik kuliah	1.8	12.1	36.1	39.7	10.3
Ruang notis untuk sebarang makluman	1.3	9.5	37.6	40.8	10.8

**Jadual 6.12: Kemudahan yang Disediakan di Perpustakaan**

PERKARA	PERLU DIPERBAIKI SEGERA (%)	PERLU DIBERI PERHATIAN (%)	BOLEH DIPERTING-KATKAN (%)	MENEPAKI KEPERLUAN (%)	CEMERLANG (%)
Bahan dan buku rujukan mencukupi	9.7	24.5	46.8	20.5	2.9
Ruang membaca dan diskusi selesa dan mencukupi	0.5	2.9	20.8	45.8	30.0
Masa perkhidmatan bersesuaian	1.8	7.1	31.3	45.3	14.5
Sistem pencarian buku, proses peminjaman dan pemulangan memudahkan	3.9	8.9	28.7	42.2	15.3

**Jadual 6.13: Kemudahan di Makmal Komputer, Makmal Bahasa dan Makmal Sains**

PERKARA	PERLU DIPERBAIKI SEGERA (%)	PERLU DIBERI PERHATIAN (%)	BOLEH DIPERTING-KATKAN (%)	MENEPAKI KEPERLUAN (%)	CEMERLANG (%)
Bilangan komputer mencukupi	5.3	15	39.5	32.4	7.9
Perisian yang dapat membantu pembelajaran	3.7	11.6	41.6	36.8	6.3
Bilangan perkakasan/ peralatan yang mencukupi dan sesuai	3.2	10.0	42.1	38.9	5.8
Masa perkhidmatan bersesuaian	3.4	11.6	39.5	41.1	4.5
Bantuan juruteknik makmal yang mencukupi	2.9	15.3	50.8	25.3	5.8



**Jadual 6.14: Kemudahan-kemudahan Lain**

KEMUDAHAN	PERLU DIPERBAIKI SEGERA (%)	PERLU DIBERI PERHATIAN (%)	BOLEH DIPERTINGKATKAN (%)	MENEPATI KEPERLUAN (%)	CEMERLANG (%)
Membuat maklumbalas dan aduan kepada USIM	4.2	11.8	43.2	35.8	5
Menggunakan sistem online USIM	1.1	5.5	25.8	52.6	15.0
Tempat makan dan minum di dalam kampus	5.3	18.4	38.2	32.1	6.1
Kebersihan tempat makanan/minuman	4.2	12.1	46.3	31.8	5.5
Harga dan kualiti makanan/minuman bersesuaian	2.4	12.9	41.8	38.2	4.7
Kedai fotostat dan kedai pelbagai	3.2	14.2	39.2	38.7	4.7
Tempat solat dalam kampus	7.9	20.5	37.6	27.6	6.3
Tempat letak kenderaan	1.8	8.4	36.8	45.3	7.6
Kebersihan dan keindahan persekitaran dalam kampus	2.1	7.4	40.8	41.1	8.7
Penggunaan Pusat Sukan	1.6	5.5	35.0	48.2	9.7





## PENGGUNAAN ICT DALAM SEMUA URUSAN DENGAN PELANGGAN

Pelbagai projek ICT sama ada penambahbaikan sistem sedia ada atau mewujudkan sistem baru telah dijalankan bagi memastikan penambahbaikan kecekapan sistem pentadbiran dan perkhidmatan USIM. Sistem-sistem yang telah digunakan pada USIM banyak membantu dalam melicinkan jentera pentadbiran USIM adalah seperti berikut:

### Sistem Al-Maaliyah

Al-Maaliyah merupakan Sistem Kewangan Bersepadu yang dibangunkan bagi membantu operasi Jabatan Bendahari khususnya dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) umumnya. Pada tahun 2010, beberapa penambahbaikan pada sistem ini telah dilaksanakan seperti mewujudkan laporan pendaftaran syarikat mengikut tarikh.

### Sistem Munazzim

Sistem Pengurusan Maklumat Staf USIM atau ringkasnya Munazzim telah dibangunkan mulai Jun 2004 atas konsep perkongsian pintar UUM-USIM dan mula digunakan pada Mac 2005. Sistem ini berasaskan *Client/Server* dengan reka bentuk *multi-tier* bagi memastikan sistem lebih fleksibel dan mudah. Sistem yang dibangunkan dapat membantu mengurangkan beban kerja pengguna di samping menjamin kelincinan proses kerja di Jabatan Pendaftar. Beberapa penambahbaikan terhadap sistem ini telah dilaksanakan pada tahun 2010 seperti penambahan laporan penyemakan data dalam Modul Lapor Diri, penambahan status sedang cuti belajar dalam profil kakitangan, penambahan laporan sejarah pertukaran jabatan dalam Profil Kakitangan, penambahan laporan kenaikan pangkat dalam Profil Kakitangan, proses pengiraan kelayakan pinjaman bank secara *online* (eWADI).

### Sistem Al-Bahthiyah

Sistem Al-Bahthiyah merupakan Sistem Maklumat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan yang dibangunkan bagi membantu Pusat Pengurusan Penyelidikan merekodkan dan menguruskan maklumat Penyelidikan dan Persidangan yang dijalankan oleh kakitangan akademik USIM.

### Sistem Akaun Pelajar

Sistem Akaun Pelajar (SAP) merupakan sistem yang menguruskan akaun pelajar khususnya dalam proses pembayaran yuran dan juga tajaan pelajar. Sistem ini akan merekodkan maklumat pelajar dan jumlah yuran pelajar bagi setiap semester.

### Sistem myOASIS

*Online Asset and Inventory System* (myOASIS) adalah Sistem Pengurusan Aset dan Inventori USIM yang dikendalikan secara *web-based*. Sistem ini dibangunkan mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan dengan menggunakan teknologi kod jalur.

### Sistem myARIFS

Sistem Pengurusan Fasiliti (myARIFS) merupakan sistem yang menguruskan fasiliti universiti. Mulai Januari 2010, Modul Tempahan Kenderaan telah digunakan secara sepenuhnya manakala mulai bulan November 2010, Modul Aduan Kerosakan, Modul Penyelenggaraan Operasi Bangunan dan Modul Tempahan dan Pengurusan Aset dan Ruang giat mengadakan sesi latihan sebelum dapat digunakan sepenuhnya.



## Sistem e-IRIS

Sistem e-IRIS merupakan sistem permohonan perjawatan (akademik dan pentadbiran) yang mula dibangunkan pada tahun 2006 hingga 2008. Sistem ini dibangunkan secara *online* bagi memudahkan capaian pemohon serta pentadbiran universiti.

## Sistem e-Sekata

Sistem e-Sekata merupakan Sistem Sasaran Kerja Tahunan yang dibangunkan secara *web-based*. Sistem ini bertujuan untuk memudahkan sasaran kerja tahunan disediakan, disimpan dan dicapai pada bila-bila masa dan di mana-mana selagi mempunyai capaian Internet. Menerusi sistem ini, akan memudahkan Jabatan Pendaftar memantau pergerakan penyediaan SKT oleh individu, jabatan serta universiti. Sistem ini dibangunkan secara dalaman oleh Pusat Teknologi Maklumat pada tahun 2008 dan bertujuan untuk memastikan ketelusan penilaian prestasi kerja individu dinilai oleh Ketua Jabatan yang terbabit dalam penyediaan SKT individu walaupun individu telah bertukar bahagian.

## Sistem e-Prestasi

Sistem e-Prestasi merupakan Sistem Penilaian Prestasi Tahunan Staf yang dijalankan pada setiap penghujung tahun bagi menilai prestasi kerja oleh setiap warga kerja USIM berdasarkan Sasaran Kerja Tahunan yang telah disasarkan pada awal tahun. Sistem ini dibangunkan bagi menggantikan kaedah penilaian yang dilakukan secara manual sejak penubuhan USIM pada tahun 2000. Pada Tahun 2010, sistem e-Prestasi telah diperluaskan penggunaannya kepada semua staf akademik.

## Sistem myClaim

Sistem myClaim merupakan sistem tuntutan pensyarah sambilan secara *online* bagi memudahkan perlaksanaan proses permohonan tuntutan pengajaran, tuntutan perjalanan dan tuntutan kerja oleh tenaga pengajar sambilan akademik.

## Sistem myPayment

Sistem Pembayaran Internet Perbankan (myPayment) membenarkan pelajar/staf USIM membuat bayaran secara *online* bagi pembayaran yang melibatkan tuntutan universiti secara *online*.

## Sistem myVAS

Sistem myVas merupakan Sistem Penilaian Prestasi Pembekal *Online* yang dibangunkan secara *web-based*. Sistem ini mula dibangunkan pada November 2009. Cadangan pembangunan Sistem Penilaian Prestasi Pembekal *Online* ini adalah susulan daripada keperluan ISO Jabatan Bendahari dan cadangan penambahbaikan terhadap proses sedia ada yang dilaksanakan secara edaran borang manual kepada PTJ. Sistem ini telah dilancarkan pada bulan Jun 2010.



## myAKRAB

Sistem myAKRAB merupakan sistem kehadiran kakitangan berkonsepkan *Punch Card* yang menggunakan teknologi kad pintar dan imbasan cap jari di Kampus Utama USIM di Nilai, Negeri Sembilan dan kampus cawangan di Pandan Indah, Kuala Lumpur. Proses naik taraf Server, Pangkalan Data, Kiosk dan Terminal myAKRAB telah selesai dilaksanakan pada 30 Mei 2010. Beberapa proses penambahbaikan Sistem myAKRAB telah dilaksanakan pada tahun 2010 seperti berikut:

- Perekodan Kesalahan Baru iaitu Tidak Cukup Tempoh Masa bagi staf akademik.
- Laporan Pemantauan Tempoh Bekerja Bulanan 160 jam bagi staf akademik.
- Makluman e-mel secara automatik kepada staf bagi peringatan untuk kemasukan alasan dan kelulusan alasan kepada pelulus.
- Capaian kebenaran akses kepada semua terminal di bangunan fakulti kepada semua staf akademik.

## Sistem myTRAMS

Sistem myTRAMS merupakan sistem bagi merekodkan jumlah mata sepanjang tahun melalui Pembangunan Profesional Berterusan (CPD). Ia merupakan proses pembelajaran sepanjang hayat atau latihan yang bertujuan untuk membangunkan potensi dan kompetensi staf merangkumi pelbagai aktiviti pemerkasaan pengetahuan, kemahiran dan kualiti agar dapat meningkatkan penghasilan kerja optimum yang menjurus kepada pencapaian Bidang Keberhasilan Utama USIM. Pembangunan Sistem myTRAMS telah dilaksanakan mulai bulan Ogos 2010 hingga Disember 2010. Penggunaan sistem secara rasmi adalah mulai Januari 2011.

## Aduan ICT

Sistem Aduan ICT merupakan satu sistem yang dibangunkan bagi membantu Pusat Teknologi Maklumat dalam menguruskan aduan berkaitan dengan ICT seperti aduan kerosakan perkakasan, masalah perisian, ralat sistem dan sebagainya. Sistem Aduan ICT ini merupakan salah satu pakej sistem yang diperoleh semasa pembangunan Sistem Maklumat Universiti (SMU) pada tahun 2004 sehingga 2006. Sistem Aduan ICT ini merangkumi Modul Aduan, Modul Petugas, Modul Penyelenggara dan Modul Laporan dan Statistik bagi melicinkan proses rekod aduan kerosakan di Pusat Teknologi Maklumat selain dapat membantu proses pemantauan status tindakan yang telah diambil oleh setiap petugas.





## Sistem Aplikasi Akademik dan Pelajar

### Sistem eNilai

Sistem Penilaian Kursus dan Pengajaran secara *online* atau (eNilai) adalah satu sistem yang dibangunkan untuk merekodkan penilaian yang dibuat oleh pelajar bagi sesuatu kursus yang diajar oleh pensyarah mereka. Sistem ini telah dibangunkan secara dalaman atau inhouse oleh Unit Aplikasi Pelajar, Bahagian Teknologi Maklumat, PTM.

### Sistem eHadir

Sistem ini dibangunkan untuk merekodkan kehadiran kuliah, makmal, tutorial dan aktiviti pelajar secara *online*. Ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti pelajar yang mempunyai peratusan kehadiran kelas yang kurang dari 80% dan tindakan seperti dihalang untuk menduduki peperiksaan akan dilakukan secara automatik.

### Sistem eAkademik

Sistem eAkademik merupakan satu sistem yang bertujuan untuk merekodkan maklumat aktiviti akademik di kalangan staf akademik. Sistem yang dibangunkan secara berdasarkan web ini akan membolehkan staf akademik untuk merekodkan data berkaitan dengan maklumat penyelidikan, persidangan, penerbitan, pengajaran, penyeliaan, khidmat masyarakat dan lain-lain aktiviti akademik.

Sistem eAkademik ini merupakan satu platform bagi membekalkan data kepada Sistem MyMoheS, Sistem MyMission dan Sistem myRA untuk Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di samping untuk tujuan penilaian prestasi staf akademik.

Keunikan sistem eAkademik ini adalah kerana ia melibatkan integrasi data daripada Sistem Maklumat Universiti seperti Sistem Maklumat Sumber Manusia (Sistem Munazzim), Sistem Maklumat Pengurusan Pelajar (Sistem Al-'Aaliyah), Sistem Maklumat Pengurusan Pelajar (Al-'Ulyaa) dan Sistem Maklumat Penyelidikan dan Persidangan (Sistem Al-Bahtiyah) dan Sistem Tamhidi. Melalui integrasi ini, data lengkap maklumat peribadi dan aktiviti akademik pensyarah seperti maklumat penyelidikan, penerbitan, penulisan ilmiah, seminar yang dihadiri, maklumat pengajaran dan sebagainya dapat dicapai daripada Sistem eAkademik ini.

### Sistem eKlinikal

Sistem Maklumat Kesihatan USIM atau lebih dikenali dengan nama eKlinikal merupakan sistem yang dibangunkan khusus untuk kegunaan Unit Kesihatan Pelajar dan Unit Perkhidmatan Pergigian, Fakulti Pergigian USIM.




## LAWATAN KE USIM

USIM sering menerima lawatan-lawatan daripada institusi dan sekolah-sekolah sama ada dari dalam Malaysia atau luar Malaysia. Sepanjang tahun 2010, USIM telah menerima 34 lawatan, di antaranya seperti berikut:

- Lawatan daripada The Islamic University of Bahawalpur, Pakistan pada 13 April 2010
- Lawatan daripada Maahad Al-Imam An Nawawi, Pulau Pinang pada 8 Jun 2010
- Lawatan Kerja Universiti Teknikal Melaka pada 22 Jun 2010
- Lawatan Rasmi World Halal Forum dan World Halal Research pada 23 Jun 2010
- Lawatan daripada Sekolah Menengah Imtiaz, Terengganu pada 8 Oktober 2010
- Lawatan Delegasi Menteri Pengajian Tinggi Libya pada 22 Oktober 2010
- Lawatan daripada Al- Madrasah AlKhairiah Al-Islamiah, Kepala Batas, Pulau Pinang pada 6 November 2010







# **LAPORAN KEWANGAN, SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**



## PRESTASI KEWANGAN 2010


Secara keseluruhan, pendapatan USIM bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 berjumlah RM125.30 juta, peningkatan sebanyak 20.81% berbanding dengan RM103.72 juta pada tahun 2009. USIM mencatatkan perbelanjaan operasi berjumlah RM122.55 juta dalam tahun 2010 berbanding dengan RM128.78 juta pada tahun 2009. Ini merupakan penurunan sebanyak RM6.23 juta (-4.84%).

TAHUN	2006	2007	2008	2009	2010
Jumlah Pendapatan (RM)	58.64	87.93	116.45	103.59	125.30
Jumlah Perbelanjaan (RM)	57.21	78.64	112.43	128.77	122.55

## KUMPULAN WANG MENGURUS

Geran Mengurus tahun 2010 yang diterima berjumlah RM103.47 juta iaitu peningkatan sebanyak RM13.08 juta (14.47%) berbanding tahun 2009. Yuran pengajian menyumbang sebanyak RM14.68 juta daripada pendapatan USIM di mana ia merupakan peningkatan sebanyak RM5.24 juta (55.48%) berbanding RM9.44 juta dalam tahun 2009. Pendapatan-pendapatan lain juga mencatat peningkatan berjumlah RM7.15 juta (84.22%) dalam tahun 2010 berbanding RM3.88 juta dalam tahun 2009.

Carta 1 : Perbandingan Komponen Pendapatan 2006-2010






Keseluruhan perbelanjaan USIM berjumlah RM122.55 juta di mana emolumen mencatatkan peningkatan sebanyak RM55.35 juta (45.16%) dan diikuti dengan perbelanjaan pemberian dan kenaan tetap berjumlah RM5.25 juta (4.29%). Walau bagaimanapun, perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan bagi tahun 2010 berjumlah RM46.29 (37.78%), iaitu penurunan sebanyak RM10.41 juta (-8.08%) berbanding tahun 2009. Jumlah keseluruhan perbelanjaan USIM ini termasuk perbelanjaan susut nilai dan lain-lain perbelanjaan sebanyak RM15.66 juta (12.77%). Namun begitu, jumlah ini tidak termasuk perbelanjaan bagi pembelian aset tetap dan pembinaan dalam kemajuan.

USIM mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak RM2.74 juta bagi tahun 2010, peningkatan sebanyak RM27.82 juta (110.91%) berbanding dengan kurangan RM25.09 juta pada tahun 2009.

**Carta 2 : Perbandingan Komponen Perbelanjaan 2006-2010**






## KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Geran Pembangunan USIM yang diterima pada tahun 2010 adalah sebanyak RM78.22 juta di mana sebanyak RM60.32 juta merupakan pendapatan yang diterima daripada kerajaan dan sebanyak RM17.90 juta merupakan peruntukan pembangunan melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta (Private Funding Initiative). Ini merupakan penurunan sebanyak RM0.68 juta (-0.87%) berbanding dengan RM78.90 juta pada tahun 2009.

Perbelanjaan Pembangunan USIM pada tahun 2010 termasuk perbelanjaan Inisiatif Pembiayaan Swasta (Private Funding Initiative) adalah sebanyak RM96.22 juta berbanding dengan RM76.89 juta pada tahun 2009. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM19.33 juta (25.14%). Oleh itu, baki Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2010 adalah sebanyak RM710.27 juta berbanding dengan RM632.82 juta pada 31 Disember 2009.

**Carta 3 : Perbandingan Kumpulan Wang Pembangunan 2006-2010**



## ASET DAN LIABILITI

Jumlah Aset Tetap USIM pada tahun 2010 ialah sebanyak RM178.49 juta berbanding dengan RM172.04 juta pada tahun 2009, peningkatan sebanyak RM6.44 juta (3.75%) manakala, jumlah Aset Semasa USIM pada tahun 2010 pula adalah sebanyak RM63.71 juta berbanding dengan RM70.86 juta pada tahun 2009. Ini merupakan penurunan sebanyak RM7.14 juta (-10.08%).

TAHUN	2006	2007	2008	2009	2010
Jumlah Aset Tetap (RM)	63.72	92.64	161.27	172.04	178.49
Jumlah Aset Semasa (RM)	18.12	111.89	90.09	70.86	63.71



Carta 4 : Perbandingan Aset Tetap dan Aset Semasa 2006-2010



Liabiliti semasa USIM pada tahun 2010 adalah sebanyak RM11.40 juta berbanding dengan RM11.25 juta pada tahun 2009. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM0.15 juta (1.32%). Aset bersih USIM pada tahun 2010 ialah sebanyak RM734.29 juta berbanding dengan RM654.37 juta pada tahun 2009. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM79.91 juta (12.21%).

Carta 5 : Perbandingan Liabiliti Semasa 2006-2010





## RINGKASAN KEWANGAN

TAHUN	2006	2007	2008	2009	2010
-------	------	------	------	------	------

### PENYATA PENDAPATAN

Jumlah Pendapatan	58,643,552	87,933,098	116,450,587	103,715,708	125,298,457
Jumlah Perbelanjaan	57,21,330	78,642,871	112,430,499	128,430,499	122,549,662
Lebihan/ (Kurangan) Pendapatan Sebelum Cukai	1,429,222	9,290,227	4,020,088	(25,087,999)	2,748,795

### LEMBARAN IMBANGAN

Hartanah, Loji & peralatan	63,717,621	92,636,737	161,271,439	172,044,284	178,489,133
Aset Semasa	18,118,110	111,889,768	90,086,000	70,858,266	63,714,970
Liabiliti Semasa	5,945,646	6,994,867	10,410,130	11,248,266	11,397,136
Kumpulan Wang Mengurus	17,306,756	26,596,983	30,617,071	5,442,502	8,117,959
Kumpulan Wang Pembangunan	282,561,865	463,663,315	560,520,015	637,282,042	710,266,584

### NISBAH KEWANGAN

Aset Semasa/Liabiliti Semasa	3.05	15.99	8.65	6.29	5.59
Aset Mudah Cair/Liabiliti Semasa	1.09	14.76	6.25	5.63	4.59
Jumlah Liabiliti/ Jumlah Aset	0.07	0.03	0.04	0.05	0.05
Modal Digunakan/ Jumlah Liabiliti	51.48	71.05	57.79	58.18	64.43
Modal Digunakan/ Aset Tetap	4.80	5.36	3.73	3.80	4.11



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010**

**KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**




**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010**

Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod dan dokumen secara sernak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan perseimbahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Universiti Sains Islam Malaysia pada 31 Disember 2010 serta hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

  
**(BOON JON LIN)**

b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
30 JUN 2011





**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH**

**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Kami, **Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Hj. Md. Noor** dan **Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangsan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA** dan Kumpulan pada 31 Disember 2010 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga,

Bagi Pihak Lembaga,

*[Signature]*

*[Signature]*

Nama : Tan Sri Dr. Mohamad Yusof  
Hj. Md. Noor

Nama : Prof. Dato' Dr.  
Muhamad Muda

Gelaran : Pengerusi Lembaga  
Pengarah

Gelaran : Naib Canselor

Tarikh : 23 JUN 2011

Tarikh : 23 JUN 2011

Tempat : Bandar Baru Nilai

Tempat : Bandar Baru Nilai




**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA**  
**YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN**

**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Saya, **Zairul Hisham Hj Ahmad Khulaimi**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **Universiti Sains Islam Malaysia**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendaknya Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui )  
oleh penama di atas di )  
Bandar Baru Nilai pada **29 APR 2011**)

Di hadapan saya



**PESURUJAYA SUMPAH**  
No. 5795-A Tingkat 1, Jalan TS 2/7G  
(Berhampiran Pej Pos Nilai)  
Taman Seri Raja 2,  
71800 Nilai, N. Sembilan



**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
LEMBARAN IMBANGAN DISATUKAN  
PADA 31 DISEMBER 2010**

	NOTA	<b>KUMPULAN</b>		<b>UNIVERSITI</b>	
		2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
<b>HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN</b>	3	178,489,133	172,044,284	178,442,540	172,044,284
<b>PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN</b>	4	503,479,600	422,718,702	503,479,600	422,718,702
<b>PELABURAN</b>	5	-	-	50,000	50,000
<b>ASET SEMASA</b>					
PENGHUTANG PELAJAR	6	4,611,426	1,651,065	4,611,426	1,651,065
PELBAGAI PENGHUTANG	7	2,362,708	1,799,971	2,290,314	1,718,845
DEPOSIT DAN BAYARAN TERDAHULU	8	4,411,313	4,057,984	4,383,248	4,029,919
SIMPANAN TETAP	9	37,550,000	19,900,000	37,500,000	19,900,000
TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK	10	14,779,523	43,449,893	14,723,465	43,196,724
<b>JUMLAH ASET SEMASA</b>		<b>63,714,970</b>	<b>70,858,913</b>	<b>63,508,453</b>	<b>70,496,553</b>
<b>LIABILITI SEMASA</b>					
PEMIUTANG	11	10,543,470	10,863,954	10,500,268	10,659,932
MANFAAT PEKERJA JANGKA PENDEK	12	841,670	362,544	841,670	362,544
PERUNTUKAN CUKAI		11,996	21,768	-	-
<b>JUMLAH LIABILITI SEMASA</b>		<b>11,397,136</b>	<b>11,248,266</b>	<b>11,341,938</b>	<b>11,022,476</b>
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		<b>52,317,834</b>	<b>59,610,647</b>	<b>52,166,515</b>	<b>59,474,077</b>
		<b>734,286,567</b>	<b>654,373,633</b>	<b>734,138,655</b>	<b>654,287,063</b>
<b>DIBIAYAI OLEH</b>					
KUMPULAN WANG MENGURUS	13	8,117,959	5,442,502	8,117,959	5,442,502
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	14	710,266,584	637,282,042	710,266,584	637,282,042
KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN	15	1,399,455	1,030,510	1,399,455	1,030,510
KUMPULAN WANG PENDAPATAN		4,959,508	4,967,188	4,959,508	4,967,188
KUMPULAN WANG ASET	16	701,575	491,653	701,575	491,653
PELBAGAI TABUNG DAN AKAUN AMANAH	17	8,373,695	5,338,813	8,373,695	5,338,813
SKIM LATIHAN AKADEMIK BUMIPUTRA (SLAB)	18	319,879	(265,645)	319,879	(265,645)
LEBIHAN TERKUMPUL SUBSIDIARI	19	147,912	86,570	-	-
		<b>734,286,567</b>	<b>654,373,633</b>	<b>734,138,655</b>	<b>654,287,063</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini



**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
 PENYATA PENDAPATAN DISATUKAN  
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010**

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
<b>PENDAPATAN</b>	20	<b>123,382,466</b>	<b>101,974,279</b>	<b>123,382,466</b>	<b>101,974,279</b>
<b>PENDAPATAN LAIN</b>	21	<b>1,915,991</b>	<b>1,741,429</b>	<b>1,791,563</b>	<b>1,616,883</b>
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>		<b><u>125,298,457</u></b>	<b><u>103,715,708</u></b>	<b><u>125,174,029</u></b>	<b><u>103,591,161</u></b>
<b>PERBELANJAAN</b>					
EMOLUMEN	22	55,349,280	52,790,503	55,316,872	52,784,703
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	23	46,287,750	56,693,577	46,269,556	56,683,168
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN	24	5,253,594	3,830,259	5,253,594	3,830,259
SUSUT NILAI		15,602,383	15,457,945	15,601,895	15,457,945
PULANG BALIK DAN HAPUSKIRA		55,319	7,299	55,319	7,299
PELUPUSAN		1,336	2,356	1,336	2,356
HUTANG RAGU		0	0	0	0
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b><u>122,549,662</u></b>	<b><u>128,781,939</u></b>	<b><u>122,498,572</u></b>	<b><u>128,765,730</u></b>
<b>LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN SEBELUM CUKAI</b>		<b><u>2,748,795</u></b>	<b><u>(25,066,231)</u></b>	<b><u>2,675,457</u></b>	<b><u>(25,174,569)</u></b>
<b>CUKAI</b>		<b><u>(11,996)</u></b>	<b><u>(21,768)</u></b>	<b><u>-</u></b>	<b><u>-</u></b>
<b>LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN SELEPAS CUKAI</b>		<b><u>2,736,799</u></b>	<b><u>(25,087,999)</u></b>	<b><u>2,675,457</u></b>	<b><u>(25,174,569)</u></b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini



**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI DISATUKAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010**

**KUMPULAN**

	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Pembangunan	Kumpulan Wang Pendidikan	Kumpulan Wang Aset Pendapatan	Kumpulan Wang Aset	Pelbagai Tabung Dan Akaun Amanah	Skim Latihan Akademik Bumiputra	Lebihan Terkumpul Subsidiari	Jumlah
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
<b>2010</b>									
Pada 1 Januari	5,442,502	637,282,042	1,030,510	4,967,188	491,653	5,338,813	(265,645)	-	654,287,063
Lebihan/(Kurangan) Tahun Semasa	2,675,457	72,984,542	368,945	(7,680)	209,922	3,034,882	585,524	147,912	79,999,504
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>8,117,959</b>	<b>710,266,584</b>	<b>1,399,455</b>	<b>4,959,508</b>	<b>701,575</b>	<b>8,373,695</b>	<b>319,879</b>	<b>147,912</b>	<b>734,286,567</b>
<b>2009</b>									
Pada 1 Januari	30,617,071	560,520,015	698,713	4,978,741	401,923	4,475,338	(58,623)	-	601,633,178
